

# LAPORAN TAHUNAN 2024



KUMPULAN WANG TENAGA BOLEH BAHARU





# **KUMPULAN WANG TENAGA BOLEH BAHARU**

LAPORAN TAHUNAN 2024



©Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian dalam penerbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disiarkan ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, sama ada secara elektronik atau mekanikal termasuklah salinan semula, rakaman ataupun kaedah penyimpanan maklumat lain, tanpa kebenaran pemilik hak cipta.

Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari  
(SEDA) Malaysia  
Aras 6, Cyberview 23A,  
Persiaran APEC, Cyber 6,  
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : +603 8870 5800 | Faks : +603 8870 5900  
E-mel : [enquiry@seda.gov.my](mailto:enquiry@seda.gov.my)

---

[www.seda.gov.my](http://www.seda.gov.my)

# Isi Kandungan Laporan Ini

06 Senarai Ekshibit

07 Glosari dan Akronim

08 Istilah Utama dalam Tarif Galakan

10 Pengenalan

10 Potensi TBB

11 Cabaran & Peluang

12 Tujuan Penubuhan KWTBB

13 Pentadbiran KWTBB

15 Sumber Kewangan KWTBB

16 Pelaksanaan Kajian, Sistem SEIP dan Audit Pematuhan

## LAPORAN KEWANGAN

### PRESTASI KEWANGAN KWTBB TAHUN 2024

18 Pendapatan Tahun 2024

18 Peruntukan daripada Tarif Elektrik (AoT)

20 Pengurusan Pelaburan Dana KWTBB

21 Pendapatan Faedah daripada Pelaburan

21 Hibah daripada Akaun Semasa

21 Geran Program MySuria

22 Perbelanjaan KWTBB

23 Mendapatkan Wang (RoM) dan Fi Pentadbiran PLP

26 Fi Pentadbiran Pihak Berkuasa

27 Perkhidmatan Dan Bekalan: Perbelanjaan di bawah Perenggan 25(b)

29 Laporan Audit KWTBB Tahun 2024

34 Penyata Pengerusi dan Seorang Anggota Pihak Berkuasa

35 Pengakuan oleh Pegawai Utama yang Bertanggungjawab ke atas Pengurusan Kewangan KWTBB

36 Penyata Kewangan KWTBB Tahun 2024

# Senarai Ekshibit

|                    |                                                                                                                          |
|--------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Ekshibit 1</b>  | Kerangka Konseptual Sistem Tarif Galakan                                                                                 |
| <b>Ekshibit 2</b>  | Jawatankuasa-Jawatankuasa yang Mentadbir KWTBB                                                                           |
| <b>Ekshibit 3</b>  | Perundangan Subsidiari KWTBB                                                                                             |
| <b>Ekshibit 4</b>  | Sumber Kewangan KWTBB                                                                                                    |
| <b>Ekshibit 5</b>  | Pendapatan KWTBB bagi Tahun 2023 dan 2024                                                                                |
| <b>Ekshibit 6</b>  | Kutipan AoT Mengikut PLP bagi Tahun 2023 dan 2024                                                                        |
| <b>Ekshibit 7</b>  | Jumlah Kumulatif Kutipan AoT yang Telah Diterima Sehingga 31 Disember 2024                                               |
| <b>Ekshibit 8</b>  | Kekerapan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan pada Tahun 2024                                                               |
| <b>Ekshibit 9</b>  | Pelaburan Simpanan Tetap KWTBB Mengikut Bank pada 31 Disember 2023 dan 31 Disember 2024                                  |
| <b>Ekshibit 10</b> | Pendapatan Hibah Diterima bagi Tahun 2023 dan 2024                                                                       |
| <b>Ekshibit 11</b> | Penerimaan dan Pelunasan Perbelanjaan bagi Geran MySuria                                                                 |
| <b>Ekshibit 12</b> | Peruntukan Seksyen 25 Akta 725                                                                                           |
| <b>Ekshibit 13</b> | Perbelanjaan Dana KWTBB bagi Tahun 2023 dan 2024                                                                         |
| <b>Ekshibit 14</b> | Perbelanjaan RoM dan Fi Pentadbiran mengikut PLP bagi Tahun 2023 dan 2024                                                |
| <b>Ekshibit 15</b> | Jumlah Kumulatif Perbelanjaan RoM dan Fi Pentadbiran mengikut PLP dari Tahun 2012 sehingga 2024                          |
| <b>Ekshibit 16</b> | Jumlah Kumulatif Perbelanjaan RoM dan Fi Pentadbiran mengikut Kategori Tenaga Boleh Baharu dari Tahun 2012 sehingga 2024 |
| <b>Ekshibit 17</b> | Perbelanjaan di bawah perenggan 25(b) Akta 725 bagi Tahun 2023 dan 2024                                                  |

# Glosari dan Akronim

**AoT** Peruntukan daripada Tarif Elektrik

**BUCC** Bandar Utama City Corporation Sdn. Bhd.

**DC** Kos Pembekalan

**ESG** Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus

**FIT** Tarif Galakan

**JKKW** Jawatankuasa Kewangan

**JKAI** Jawatankuasa Audit dan Integriti

**JKOP** Jawatankuasa Operasi Pasaran

**JKP** Jawatankuasa Pelaburan

**JKSH** Jawatankuasa Sebut Harga

**KeTTHA** Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air

**kWj** Kilowatt-jam

**KWTBB** Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu

**KT** Kecekapan Tenaga

**LHDN** Lembaga Hasil Dalam Negeri

**LP** Lembaga Perolehan

**MAB** Malaysia Airlines Berhad

**MASSB** Malaysia Airports (Sepang) Sdn. Bhd.

**MoF** Kementerian Kewangan

**MUSB** Malakoff Utilities Sdn. Bhd.

**MyRER** Pelan Hala Tuju Tenaga Boleh Baharu Malaysia

**NETR** Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara

**NUR** NUR Distribution Sdn. Bhd.

**OPR** Kadar Dasar Semalaman (*Overnight Policy Rate*)

**PKG** Pemegang Kelulusan Galakan

**PLP** Pemegang Lesen Pengagihan

**RoM** Mendapatkan Wang

**SEDA** Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari

**SEIP** Sustainable Energy Information Portal

**SESB** Sabah Electricity Sdn. Bhd.

**SIA** Akaun Pelaburan Khas

**STMMD** *Short Term Money Market Deposit*

**SHP** Potensi Hidrokuasa Kecil

**TBB** Tenaga Boleh Baharu

**TNB** Tenaga Nasional Berhad



# Istilah Utama dalam Tarif Galakan

## PEMEGANG LESEN PENGAGIHAN (PLP)

Syarikat yang memegang lesen untuk mengagihkan elektrik (cth. TNB, SESB, NUR)



## PEMEGANG KELULUSAN GALAKAN (PKG)

Individu atau syarikat yang memegang sijil kelulusan galakan yang dikeluarkan oleh SEDA Malaysia. Pemegang layak untuk menjual tenaga boleh baharu pada kadar FiT.



## INDIGENOUS

Sumber Tenaga Boleh Baharu (TBB) mestilah dari dalam Malaysia dan tidak diimport dari negara lain.



## TARIF GALAKAN (FEED-IN TARIFF – FiT)

Kadar premium tetap yang perlu dibayar untuk setiap unit TBB yang dijual kepada PLP. Kadar FiT adalah berbeza untuk sumber TBB dengan kapasiti dipasang yang berbeza. Kadar Bonus FiT terpakai apabila kriteria syarat bonus dipenuhi.



## TEMPOH

Tempoh TBB dijual kepada PLP dan dibayar pada kadar FiT. Tempohnya adalah berdasarkan ciri-ciri sumber dan teknologi boleh baharu. Pada masa ini, semua permohonan FiT baharu yang diluluskan (tanpa mengira jenis sumber TBB) akan dibayar FiT selama 21 tahun untuk penajaan TBB. Hanya PKG yang telah diberikan kuota Biogas sebelum 28 Januari 2019 dan kuota Biojisim sebelum 23 Disember 2019 akan dibayar FiT selama 16 tahun.






## PENGENALAN

# KUMPULAN WANG TENAGA BOLEH BAHARU (KWTBB)

Ditubuhkan di bawah Seksyen 23, Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 (Akta 725) sebagai mekanisme kewangan untuk menyokong pelaksanaan sistem Tarif Galakan (FiT)

## Objektif Penubuhan KWTBB



1

Merangsang penjanaan tenaga daripada sumber Tenaga Boleh Baharu (TBB)

2

Menyediakan peruntukan bagi pelaksanaan berkaitan FiT



## Peranan KWTBB dalam Pelaksanaan FiT

Pihak Berkuasa mewajibkan:




1

Pemegang Lesen Pengagihan (PLP) membeli tenaga elektrik yang dijana oleh Pemegang Kelulusan Galakan (PKG)

2


PKG menjana dan menjual tenaga daripada sumber TBB pada kadar tarif FiT yang ditetapkan



3

Bekalan dijamin ke dalam grid untuk tempoh masa tertentu

## Manfaat Sistem FiT



Jaminan akses ke grid



Penetapan harga yang kompetitif




Asas pelaburan yang stabil & berdaya maju




Galakan penyertaan individu dan komuniti

# Potensi TBB



## Jumlah keseluruhan di Malaysia



(sumber: Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara - NETR)

## Sumber Tenaga Boleh Baharu di Malaysia: Memacu Peralihan ke Tenaga Bersih

Selaras dengan komitmen Malaysia ke arah pembangunan mampan dan rendah karbon, usaha mempercepat proses peralihan ke tenaga bersih semakin diberi keutamaan. Dalam konteks ini, Malaysia amat bertuah kerana dikurniakan

sumber TBB yang pelbagai dan mudah dimanfaatkan untuk penjaan kuasa. Antara sumber utama yang menyokong aspirasi ini termasuk:

Pancaran suria yang konsisten sepanjang tahun, yang menjadikan teknologi fotovolta (PV) antara pilihan utama dalam pelan pembangunan tenaga negara;

Sisa pertanian, domestik dan industri, yang boleh dijadikan biojisim melalui teknologi pembakaran, pencernaan anaerobik dan penggasan, sekali gus menyumbang kepada pengurusan sisa yang lebih lestari;

Lembangan sungai yang luas, terutamanya di kawasan luar bandar dan berbukit, yang sesuai untuk pembangunan loji hidrokuasa kecil yang mesra alam dan berimpak rendah.

KWTBB menjadi pemangkin utama dalam memperkukuh infrastruktur tenaga bersih negara. Inisiatif-inisiatif ini sejajar dengan aspirasi negara untuk mencapai 70% kapasiti campuran TBB menjelang tahun 2050, selari dengan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) dan seterusnya menempatkan Malaysia sebagai peneraju TBB di rantau ini.


# Cabaran & Peluang dalam Industri Tenaga Boleh Baharu

## CABARAN



### KOS

- o **Kos pelaburan awal yang tinggi** bagi pembangunan infrastruktur seperti ladang solar (*solar farm*).
- o Penyelenggaraan dan kos simpanan tenaga masih mahal.



### TEKNOLOGI


- o **Keterbatasan teknologi** simpanan tenaga (contohnya, bateri) menyebabkan ketidakstabilan bekalan.
- o Integrasi ke dalam grid sedia ada memerlukan peningkatan sistem.



### LOKASI

- o **Keterhadan tapak** yang sesuai – contohnya, penjanaan tenaga solar memerlukan kawasan luas dan terbuka, manakala penjanaan tenaga angin pula bergantung kepada keadaan geografi tertentu.
- o Isu **persekitaran dan sosial** di tapak cadangan.

## PELUANG



### INOVASI

- o **Kemajuan teknologi** seperti bateri yang lebih cekap dan sistem pintar (*smart grid*) membuka potensi baharu.
- o **Inovasi** juga membantu mengurangkan kos dalam tempoh jangka panjang.



### PELABURAN

- o **Peningkatan minat pelabur** domestik dan antarabangsa terhadap projek tenaga hijau.
- o Peluang dana dan **insentif kerajaan** meningkatkan pembangunan.



### POLISI


- o **Sokongan dasar kerajaan** seperti pelan peralihan tenaga dan insentif cukai.
- o **Polisi antarabangsa** seperti ESG memberi tekanan positif kepada sektor ini.

# Tujuan Penubuhan KWTBB

Sejak tahun 2012, dana KWTBB telah digunakan untuk melaksanakan skim Tarif Galakan (FiT), Berdasarkan peruntukan Seksyen 23 [Akta 725], caj tambahan sebanyak 1.6% dikenakan ke atas bil elektrik oleh PLP kepada pengguna kecuali pengguna domestik yang menggunakan kurang daripada 300 kilowatt jam (kWj) sebulan dan semua pengguna di Sarawak. Untuk pengguna Sabah, pengecualian bermula

dari 3 Januari 2024. Caj tambahan ini dikutip oleh PLP dan kemudiannya diserahkan kepada Pihak Berkuasa. Sementara itu, proses di mana Pihak Berkuasa membayar balik kepada PLP bayaran bulanan yang dibuat kepada PKG dikenali sebagai proses Mendapatkan Wang (RoM). Pembayaran balik ini adalah berdasarkan perbezaan positif di antara jumlah bayaran FiT kepada PKG dan kos pembekalan (DC) semasa.

Kerangka Konseptual Sistem FiT ini dapat diringkaskan seperti di **Ekshibit 1**.



**Ekshibit 1** Kerangka Konseptual Sistem Tarif Galakan

# Pentadbiran KWTBB

KWTBB hendaklah ditadbir dan dikawal selia oleh Pihak Berkuasa selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 23, Akta 725. Semua urusan pentadbiran KWTBB turut ditadbir dan dikawal selia oleh jawatankuasa-jawatankuasa yang berkaitan seperti yang dinyatakan dalam **Ekshibit 2** serta perundangan subsidiari yang disenaraikan dalam **Ekshibit 3**.

## Jawatankuasa Kewangan (JKKW)



JKKW berperanan membantu Pihak Berkuasa dalam melaksanakan fungsi pemantauan peraturan dan prosedur operasi standard (tatacara) berkaitan pengurusan kewangan KWTBB selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 13, Akta Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari [Akta 726].

JKKW turut berperanan memperakukan belanjawan KWTBB yang dibentangkan oleh pengurusan Pihak Berkuasa bagi mendapatkan kelulusan daripada Mesyuarat Anggota Pihak Berkuasa.

## Jawatankuasa Pelaburan (JKP)



JKP berperanan untuk mengkaji dan meneliti cadangan pelaburan strategik serta membuat keputusan bagi mengoptimumkan pulangan melalui aktiviti pelaburan yang melibatkan dana KWTBB yang belum dibelanjakan, selaras dengan subseksyen 26(1), Akta 725.

JKP turut bertanggungjawab mengurus dan memantau semua aktiviti serta prestasi pelaburan tunai jangka pendek dan jangka panjang termasuk Akaun Pelaburan Khas (SIA), simpanan tetap, unit amanah serta sebarang produk pelaburan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

## Jawatankuasa Sebut Harga (JKSH) & Lembaga Perolehan (LP)



JKSH dan LP berperanan dalam menguruskan perolehan KWTBB.

Perolehan KWTBB melibatkan pertimbangan dan kelulusan terhadap sebut harga serta tender yang paling menguntungkan Pihak Berkuasa berdasarkan prinsip dan dasar perolehan Pihak Berkuasa. Syarat sebut harga dan tender tertakluk kepada had kuasa yang ditetapkan.

## Jawatankuasa Operasi Pasaran (JKOP)



Pengurusan isu-isu teknikal berkaitan pelaksanaan sistem FiT.

JKOP berperanan mentadbir urus, melaksanakan serta membuat keputusan mengenai hal-hal berkaitan pengoperasian sistem FiT yang bersifat teknikal dan tidak memerlukan keputusan dasar daripada Mesyuarat Anggota Pihak Berkuasa.

## Jawatankuasa Audit dan Integriti (JKAI)



JKAI berperanan memantau pelaksanaan audit pematuhan terhadap perundangan yang berkuat kuasa berkaitan proses RoM dan Peruntukan daripada Tarif Elektrik (AoT).

# Perundangan Subsidiari KWTBB

| CARA RAYUAN                                                                                                                                                                                                      | KELULUSAN GALAKAN & KADAR TARIF GALAKAN                                                                                                                                                                          |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|  <p><b>P.U.(A) 309/2019</b><br/>Peraturan-Peraturan Tenaga Boleh Baharu (Cara Rayuan) 2019.</p>                                 |  <p><b>P.U.(A) 385/2011</b><br/>Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kelulusan Galakan dan Kadar Tarif Galakan) 2011.</p>        |
| KEHENDAK TEKNIKAL DAN PENGENDALIAN                                                                                                                                                                               | PERJANJIAN PEMBELIAN KUASA TENAGA BOLEH BAHARU (REPPA)                                                                                                                                                           |
|  <p><b>P.U.(A) 387/2011</b><br/>Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kehendak Teknikal Dan Pengendalian) 2011.</p>              |  <p><b>P.U.(A) 386/2011</b><br/>Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Perjanjian Pembelian Kuasa Tenaga Boleh Baharu) 2011.</p> |
| KRITERIA BAGI SUMBER BOLEH BAHARU                                                                                                                                                                                | PERUNTUKAN DARIPADA TARIF ELEKTRIK                                                                                                                                                                               |
|  <p><b>P.U.(A) 383/2011</b><br/>Peraturan-Peraturan Tenaga Boleh Baharu (Kriteria Bagi Sumber Boleh Baharu) 2011.</p>         |  <p><b>P.U.(A) 375/2013</b><br/>Perintah Tenaga Boleh Baharu (Peruntukan daripada Tarif Elektrik) 2013.</p>                  |
| MENDAPATKAN WANG OLEH PEMEGANG LESEN PENGAGIHAN                                                                                                                                                                  | FI PENTADBIRAN                                                                                                                                                                                                   |
|  <p><b>P.U.(A) 388/2011</b><br/>Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Mendapatkan Wang oleh Pemegang Lesen Pengagihan) 2011.</p> |  <p><b>P.U.(A) 389/2011</b><br/>Perintah Tenaga Boleh Baharu (Fi Pentadbiran) 2011.</p>                                      |

# SUMBER KEWANGAN KWTBB

Sumber kewangan KWTBB adalah sebagaimana yang diperuntukkan di bawah perenggan 23(2)(a) sehingga 23(2)(d) Akta 725, seperti ditunjukkan dalam **Ekshibit 4** berikut:



**Ekshibit 4** Sumber Kewangan KWTBB



# Pelaksanaan Kajian, Sistem SEIP dan Audit Pematuhan

## *Bioenergy Clustering Potential in Peninsular Malaysia*

Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (MyRER) telah mengenal pasti beberapa cabaran yang dihadapi dalam membangunkan loji janakuasa TBB daripada sumber biojisim dan biogas (biotenaga). Antara cabaran-cabaran tersebut adalah *economy of scale* projek dan kesukaran untuk mendapatkan sumber biojisim atau *feedstock* khususnya daripada sisa kelapa sawit bagi tujuan penjaan tenaga elektrik.

Konsep pengklusteran biotenaga merupakan kaedah yang dikenal pasti untuk meningkatkan kapasiti penjaan TBB daripada sumber ini. Selain itu, kajian ini juga telah dipilih sebagai salah satu projek/inisiatif perintis di bawah NETR. Hasil kajian ini dapat dijadikan rujukan kepada pihak berkepentingan dalam membangunkan loji janakuasa biotenaga menggunakan konsep kluster dengan mengenal pasti kelompok berpotensi bagi biojisim dan biogas dengan loji kilang kelapa sawit berpusat yang menggunakan bahan biotenaga daripada beberapa kilang kelapa sawit berdekatan bagi menyelesaikan isu kekurangan bahan api biojisim.

## *Hydrological Study on Hydro Potential in Peninsular Malaysia*

Kajian yang dijalankan ini adalah lanjutan daripada pelan tindakan yang telah digariskan di bawah MyRER.

Tujuan kajian hidrologi ini adalah untuk mengumpul maklumat asas yang mencukupi mengenai ketersediaan potensi Hidrokuasa Kecil (SHP) *run-of-the-river* di 41 lokasi sungai di Semenanjung Malaysia yang berpotensi menjana TBB untuk dimasukkan ke dalam sistem FiT atau mekanisme lain yang sesuai.

Senarai tapak projek yang akan dihasilkan melalui kajian ini boleh dijadikan rujukan kepada pemaju projek Hidrokuasa Kecil dan pihak-pihak yang berkepentingan bagi penyertaan di dalam program FiT.



*Bioenergy Clustering Potential in Peninsular Malaysia*




*Hydrological Study on Hydro Potential in Peninsular Malaysia*



## Sistem SEIP

Sistem *Sustainable Energy Information Portal* (SEIP) dibangunkan untuk membantu memudahkan capaian kepada maklumat dan data berkaitan Tenaga Boleh Baharu (TBB) dan Kecekapan Tenaga (KT) di Pihak Berkuasa.



Sistem SEIP membolehkan semua data terbuka dan terhad dicapai menerusi satu sistem yang dibina secara terpusat bagi membantu semua golongan pemaju projek dan pelabur, pembuat dasar dan polisi, tenaga pengajar dan pelajar serta industri membuat rujukan dan penyelidikan. Kewujudan sistem SEIP juga akan membantu meningkatkan kecekapan operasi Pihak Berkuasa dalam menyalurkan data dan maklumat kepada industri dan orang awam.



## Pelaksanaan Audit Pematuhan PLP

Seksyen 28 Akta 725 telah memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa untuk melaksanakan audit, atau melantik juruaudit untuk menjalankan audit bagi pihaknya terhadap Pemegang Lesen Pengagihan (PLP) dan Pemegang Kelulusan Galakan (PKG). Tujuan pengauditan adalah untuk memastikan pematuhan kepada pelaksanaan Akta 725 dalam kalangan PLP dan PKG.






# Prestasi Kewangan KWTBB Tahun 2024

## Pendapatan Tahun 2024

Pendapatan KWTBB terbahagi kepada dua (2) kategori hasil utama iaitu Urus Niaga Pertukaran dan Urus Niaga Bukan Pertukaran seperti berikut:



### Urus Niaga Pertukaran

Faedah diterima daripada pelaburan simpanan tetap dan hibah.



### Urus Niaga Bukan Pertukaran

Hasil kutipan Peruntukan daripada Tarif Elektrik (AoT) dan pelunasan hasil geran program MySuria.

Nota: pelunasan hasil geran program MySuria ini tidak diambil kira dalam analisis pendapatan KWTBB

Perbandingan pecahan pendapatan KWTBB bagi tahun 2023 dan 2024 tidak termasuk pelunasan hasil geran MySuria yang diperincikan dalam **Ekshibit 5**.

|                                                                                                   |                                       | 2023          | 2024            | %      |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------|---------------|-----------------|--------|
| <br>Pendapatan | Peruntukan daripada<br>Tarif Elektrik | RM781,979,009 | RM815,859,064   | 81.18% |
|                                                                                                   | Faedah Simpanan<br>Tetap              | RM158,076,145 | RM185,335,253   | 18.44% |
|                                                                                                   | Hibah                                 | RM6,679,471   | RM3,305,755     | 0.33%  |
|                                                                                                   | Hasil Lain                            | -             | RM489,439       | 0.05%  |
| Jumlah                                                                                            |                                       | RM946,734,625 | RM1,004,989,511 |        |

**Exhibit 5** Pendapatan KWTBB bagi Tahun 2023 dan 2024

## Peruntukan daripada Tarif Elektrik (AoT)

Menurut subseksyen 24(1) Akta 725, pendapatan utama KWTBB diperoleh melalui hasil kutipan AoT.

AoT merujuk kepada caj tambahan yang dikenakan kepada pengguna elektrik bagi menyokong pembangunan tenaga boleh baharu di Malaysia. Caj AoT ini dikenakan kepada semua kategori pengguna elektrik di Semenanjung Malaysia dan bagi negeri Sabah, sehingga 2 Februari 2024 sahaja. Walau bagaimanapun, pengecualian diberikan kepada kategori pengguna domestik yang menggunakan elektrik kurang daripada 300 kilowatt jam (kWj) sebulan, bertujuan untuk meringankan beban pengguna domestik berpendapatan rendah dan memastikan keadilan dalam pengenaan caj.


Kadar AoT mula diperkenalkan pada tahun 2011 dengan kadar sebanyak 1.0% daripada tarif elektrik yang dikenakan dan dipungut, selepas mengambil kira sebarang diskaun yang

diluluskan oleh Kerajaan di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447]. Selaras dengan keperluan pembiayaan yang meningkat bagi pembangunan TBB, kadar kutipan AoT telah dinaikkan kepada 1.6% bermula tahun 2014 dan kekal pada kadar tersebut sehingga kini.

Hasil kutipan AoT ini memainkan peranan penting sebagai sumber pembiayaan utama KWTBB bagi pelaksanaan projek-projek TBB serta inisiatif berkaitan yang menyumbang kepada matlamat negara dalam pengurangan pelepasan karbon dan pembangunan tenaga bersih.

Tiga (3) PLP telah diberi kuasa untuk mengutip caj AoT di bawah Perintah Tenaga Boleh Baharu (Peruntukan daripada Tarif Elektrik) 2013, iaitu Tenaga Nasional Berhad (TNB), Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) dan NUR Distribution Sdn. Bhd. (NUR).


Prestasi kutipan AoT mengikut PLP bagi tahun 2023 dan 2024 diperincikan dalam **Ekshibit 6**.

|                                                                                          |      | 2023          | %      | 2024          | %      |
|------------------------------------------------------------------------------------------|------|---------------|--------|---------------|--------|
| <br>PLP | TNB  | RM743,193,561 | 95.04% | RM797,482,901 | 97.75% |
|                                                                                          | SESB | RM27,062,348  | 3.46%  | RM5,369,172   | 0.66%  |
|                                                                                          | NUR  | RM11,723,100  | 1.50%  | RM13,006,991  | 1.59%  |
| Jumlah                                                                                   |      | RM781,979,009 |        | RM815,859,064 |        |

**Ekshibit 6** Kutipan AoT Mengikut PLP bagi Tahun 2023 dan 2024

Pada tahun 2024, jumlah kutipan AoT yang diterima oleh KWTBB daripada ketiga-tiga PLP berjumlah RM815.86 juta. Jumlah ini mencatatkan peningkatan sebanyak RM33.88 juta atau 4.33% berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan ini didorong oleh pertumbuhan penggunaan tenaga elektrik oleh pengguna secara keseluruhan.

Secara kumulatif, jumlah kutipan AoT yang diterima sehingga 31 Disember 2024 adalah sebanyak RM8.46 bilion seperti yang dinyatakan di **Ekshibit 7**. TNB merupakan penyumbang terbesar kutipan caj AoT ini, merangkumi 95.72% ataupun RM8.09 bilion daripada jumlah keseluruhan kutipan AoT. Dapatan data ini adalah selaras dengan rekod TNB sebagai PLP yang mempunyai jumlah pengguna terbesar iaitu sebanyak 10.85 juta orang pada tahun 2024.



**Ekshibit 7** Jumlah Kumulatif Kutipan AoT yang Telah Diterima Sehingga 31 Disember 2024

# Pengurusan Pelaburan Dana KWTBB

Pelaburan dana KWTBB dibuat selaras dengan peruntukan di bawah subseksyen 26(1) Akta 725 iaitu “Wang daripada Kumpulan Wang hendaklah, setakat yang wang itu tidak dikehendaki atau tidak serta-merta dikehendaki untuk dibelanjakan oleh Pihak Berkuasa di bawah Akta ini, dilaburkan mengikut apa-apa cara yang diluluskan oleh Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan”.

Pihak Berkuasa dan KWTBB telah mendapat kelulusan daripada Menteri Kewangan untuk membuat pelaburan jangka pendek dalam simpanan tetap dan *Short Term Money Market Deposit* (STMMD) sejak 7 Februari 2020. Pelaburan tersebut hanya boleh dilaksanakan di bank dan/atau institusi kewangan berlesen yang diluluskan oleh Kementerian

Kewangan (MoF) untuk menerima deposit daripada Jabatan/ Agensi/Syarikat berdasarkan senarai yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa.

Semua peletakan simpanan tetap diluluskan oleh Jawatankuasa Pelaburan adalah selaras dengan Garis Panduan Pengurusan Simpanan Tetap/Simpanan Pasaran Wang Jangka Pendek (*Short Term Money Market Deposit* - STMMD) SEDA Malaysia. Minit mesyuarat keputusan Jawatankuasa Pelaburan diedarkan untuk makluman kepada Anggota Pihak Berkuasa bagi memastikan pengurusan pelaburan dilaksanakan secara telus, berhemat dan mempunyai ciri-ciri semak dan imbang.

Sepanjang tahun 2024, Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan telah bersidang sebanyak lima (5) kali dengan butiran kekerapan mesyuarat seperti yang dinyatakan di **Ekshibit 8**.

| Mesyuarat Jawatankuasa             | Tarikh Mesyuarat |
|------------------------------------|------------------|
| Jawatankuasa Pelaburan Bil. 1/2024 | 19 Februari 2024 |
| Jawatankuasa Pelaburan Bil. 2/2024 | 15 Mei 2024      |
| Jawatankuasa Pelaburan Bil. 3/2024 | 15 Ogos 2024     |
| Jawatankuasa Pelaburan Bil. 4/2024 | 16 Oktober 2024  |
| Jawatankuasa Pelaburan Bil. 5/2024 | 18 Disember 2024 |

**Ekshibit 8** Kekerapan Pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan pada Tahun 2024

Peletakan pelaburan adalah berdasarkan tawaran kadar faedah yang paling menguntungkan pada tarikh peletakan pelaburan tersebut. Di samping itu, Pihak Berkuasa juga memastikan jumlah maksimum peletakan di setiap bank mematuhi prinsip maksimum berdasarkan kategori penarafan bank selaras dengan Garis Panduan Pengurusan Simpanan Tetap SEDA Malaysia.

Peletakan simpanan tetap pada tahun 2024 dibuat secara berperingkat, dengan kadar faedah di antara 4.02% sehingga 4.28% setahun (tahun 2023: 4.15% sehingga 4.42% setahun).

Pada 31 Disember 2024, jumlah simpanan tetap KWTBB adalah sebanyak RM4.676 bilion, selaras dengan kelulusan Jawatankuasa Pelaburan bagi peletakan di sepuluh (10) institusi kewangan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pelaburan. Jumlah simpanan pada tahun 2024 menunjukkan peningkatan sebanyak RM600 juta atau 14.72% kerana KWTBB mempunyai lebih tunai bersih yang lebih tinggi pada akhir tahun 2024 susulan peningkatan kutipan AoT setiap bulan.

Jumlah pelaburan simpanan tetap KWTBB pada 31 Disember 2023 dan 31 Disember 2024 adalah seperti yang diperincikan di **Ekshibit 9**.



## Pendapatan Faedah daripada Pelaburan

Pendapatan faedah KWTBB diperoleh daripada keuntungan peletakan pelaburan Simpanan Tetap di bank/institusi kewangan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pelaburan. Peletakan pelaburan ini dilaksanakan berdasarkan tawaran kadar faedah yang paling menguntungkan pada tarikh peletakan pelaburan tersebut. Selain itu, jumlah maksimum peletakan adalah selaras dengan kategori penarafan di setiap bank/institusi kewangan seperti yang ditetapkan oleh Garis Panduan Peletakan Simpanan Tetap SEDA Malaysia.


Berdasarkan peletakan simpanan tetap sepanjang tahun 2024, pendapatan faedah daripada simpanan tetap telah meningkat sebanyak RM27.26 juta atau 17.24% kepada RM185.34 juta (2023: RM158.07 juta).

## Hibah daripada Akaun Semasa

KWTBB menggunakan tiga (3) akaun semasa bagi tujuan pengurusan transaksi terimaan dan perbelanjaan iaitu:

- CIMB Islamic Bank Berhad;
- OCBC Al-Amin Bank; dan
- RHB Islamic Bank Berhad.

Ketiga-tiga akaun semasa ini menjana pendapatan hibah yang dikreditkan ke akaun semasa pada setiap hujung bulan dengan pengiraan hibah berdasarkan baki tunai harian. Pada tahun 2024, jumlah pendapatan hibah turun kepada RM3.31 juta dengan pengurangan sebanyak 50.51% berbanding tahun 2023 kerana jumlah baki tunai di akaun semasa adalah lebih rendah susulan lebih tunai dilaburkan di simpanan tetap. Pendapatan hibah yang diterima bagi tahun 2023 dan 2024 adalah seperti yang dinyatakan di **Ekshibit 10**.



**Ekshibit 10** Pendapatan Hibah Diterima bagi Tahun 2023 dan 2024

## Geran Program MySuria

Geran MySuria digunakan untuk pembayaran FiT dan Bonus kepada peserta yang terlibat dalam pelaksanaan program MySuria melalui suatu usaha sama yang dimulakan pada tahun 2019 antara Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), MoF dan Kerajaan Negeri. Program ini dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa dengan tujuan untuk meningkatkan kedudukan sosioekonomi rakyat B40 di seluruh negara melalui Teknologi Hijau. Sebanyak 332 PKG telah menyertai program ini.

Sebanyak RM0.60 juta daripada geran MySuria telah dilunaskan pada tahun 2024 melalui pembayaran FiT bagi program ini, melibatkan pembayaran RoM dan Fi Pentadbiran kepada PLP dan Pihak Berkuasa. Setakat 31 Disember 2024, geran ini masih mempunyai baki berjumlah RM6.48 juta yang akan digunakan sehingga program ini tamat pada tahun 2028.


Secara kumulatif, penerimaan dan pelunasan perbelanjaan bagi geran MySuria diperincikan seperti di **Ekshibit 11**.

| Tahun                                                                                              | Baki Awal | Terimaan    | Jumlah Geran | Bayaran     | Baki Akhir  |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------|-------------|--------------|-------------|-------------|
| <br>Geran MySuria | 2019      | RM7,100,000 | RM7,100,000  | RM1,237,228 | RM5,862,772 |
|                                                                                                    | 2020      | RM5,862,772 | RM1,135,000  | RM871,675   | RM6,126,097 |
|                                                                                                    | 2021      | RM6,126,097 | RM1,135,000  | RM796,987   | RM6,464,110 |
|                                                                                                    | 2022      | RM6,464,110 | RM1,135,000  | RM736,131   | RM6,862,979 |
|                                                                                                    | 2023      | RM6,862,979 | RM862,155    | RM648,715   | RM7,076,419 |
|                                                                                                    | 2024      | RM7,076,419 | -            | RM599,279   | RM6,477,140 |

**Ekshibit 11** Penerimaan dan Pelunasan Perbelanjaan bagi Geran MySuria

## Perbelanjaan KWTBB


Perbelanjaan dana KWTBB seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 25 Akta 725 telah diperincikan di **Ekshibit 12**.



**Ekshibit 12** Peruntukan Seksyen 25 Akta 725

Butiran perbelanjaan dana KWTBB bagi tahun 2023 dan 2024 adalah seperti di **Ekshibit 13**.

## Perbelanjaan Dana KWTBB bagi Tahun 2023 dan 2024



**Ekshibit 13** Perbelanjaan Dana KWTBB bagi Tahun 2023 dan 2024

### Mendapatkan Wang (RoM) dan Fi Pentadbiran PLP

Perbelanjaan pelaksanaan sistem FiT merupakan perbelanjaan utama KWTBB merangkumi pembayaran RoM dan Fi Pentadbiran kepada PLP dan Pihak Berkuasa, seperti yang diperuntukkan dalam perenggan 25(a) Akta 725.

RoM adalah jumlah positif daripada perbezaan antara bayaran Tarif Galakan dan Kos Pembekalan (*Displacement Cost – DC*) yang dituntut oleh PLP daripada KWTBB. Untuk Fi Pentadbiran pula, PLP boleh menuntut Fi Pentadbiran pada kadar 2% seperti yang tertakluk dalam P.U.(A) 389/2011: Perintah Tenaga Boleh Baharu (Fi Pentadbiran) 2011.

Pada tahun 2024, pembayaran RoM dan Fi Pentadbiran kepada PLP susut kepada RM420.62 juta, dengan penurunan sebanyak 9.21% berbanding RM463.29 juta pada 2023. Antara punca utama penurunan ini adalah:

- ▶ Pengurangan tuntutan RoM oleh SESB sebanyak RM52.46 juta, selaras dengan penyerahan kuasa kawal selia bekalan elektrik Sabah melalui Enakmen Tenaga Boleh Baharu Sabah, 2024 berkuat kuasa 3 Januari 2024; dan
- ▶ Penurunan tuntutan RoM oleh PLP lain akibat penurunan penjanaan tenaga, berpunca daripada kerja penyelenggaraan serta kerosakan peralatan.

Selari dengan penurunan perbelanjaan RoM pada tahun 2024, bayaran Fi Pentadbiran kepada PLP adalah sebanyak RM8.25 juta, susut 9.21% berbanding RM9.06 juta pada tahun 2023, memandangkan fi ini berkadar langsung dengan jumlah RoM yang dituntut oleh PLP.

TNB kekal sebagai penerima terbesar bagi RoM dan Fi Pentadbiran, dengan catatan bayaran sebanyak RM394.38 juta atau 93.76% daripada jumlah keseluruhan pada tahun 2024, diikuti oleh MASSB (4.54%) dan MAB (1.33%). Perbandingan perbelanjaan mengikut PLP diperincikan dalam **Ekshibit 14**.



## Perbelanjaan RoM dan Fi Pentadbiran mengikut PLP bagi Tahun 2023 dan 2024



**Ekshibit 14** Perbelanjaan RoM dan Fi Pentadbiran mengikut PLP bagi Tahun 2023 dan 2024

Sehingga 31 Disember 2024, jumlah kumulatif perbelanjaan RoM dan Fi Pentadbiran yang telah dibayar kepada tujuh (7) PLP adalah sebanyak RM4.35 bilion. Daripada jumlah tersebut, bayaran tertinggi adalah kepada TNB, iaitu sebanyak RM3.56 bilion atau 81.79% daripada keseluruhan perbelanjaan. Jumlah ini adalah berdasarkan 9,451 PKG di bawah TNB yang telah mencapai status operasi komersial sehingga tahun 2024.

Selain itu, sejumlah RM510.39 juta atau 11.72% telah dibayar kepada SESB dan RM209.49 juta atau 4.81% kepada MASSB.

Perincian lanjut mengenai jumlah terkumpul, perbelanjaan RoM dan Fi Pentadbiran mengikut PLP bagi tempoh 2012 sehingga 2024 ditunjukkan dalam **Ekshibit 15**.

## Jumlah Kumulatif Perbelanjaan RoM dan Fi Pentadbiran mengikut Pemegang Lesen Pengagihan dari tahun 2012 sehingga 2024

| Pemegang Lesen Pengagihan                                                                                                             | 2012 - 2024          |                     |                      |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------|---------------------|----------------------|
|                                                                                                                                       | Perbelanjaan RoM     | Fi Pentadbiran      | Jumlah               |
| <br><b>Tenaga Nasional Berhad</b>                    | <b>RM3.49 bilion</b> | <b>RM69.85 juta</b> | <b>RM3.561 juta</b>  |
| <br><b>Sabah Electricity Sdn. Bhd.</b>             | <b>RM500.39 juta</b> | <b>RM10.01 juta</b> | <b>RM510.40 juta</b> |
| <br><b>Malaysia Airports (Sepang) Sdn. Bhd.</b>    | <b>RM205.38 juta</b> | <b>RM4.11 juta</b>  | <b>RM209.49 juta</b> |
| <br><b>Malaysia Airlines Berhad</b>                | <b>RM60.00 juta</b>  | <b>RM1.20 juta</b>  | <b>RM61.20 juta</b>  |
| <br><b>NUR Distribution Sdn. Bhd.</b>              | <b>RM10.92 juta</b>  | <b>RM218,426</b>    | <b>RM11.14 juta</b>  |
| <br><b>Malakoff Utilities Sdn. Bhd.</b>            | <b>RM526,611</b>     | <b>RM10,549</b>     | <b>RM537,160</b>     |
| <br><b>Bandar Utama City Corporation Sdn. Bhd.</b> | <b>RM145,947</b>     | <b>RM2,919</b>      | <b>RM148,866</b>     |
| <b>JUMLAH</b>                                                                                                                         | <b>RM4.27 bilion</b> | <b>RM85.40 juta</b> | <b>RM4.35 bilion</b> |

**Ekshibit 15** Jumlah Kumulatif Perbelanjaan RoM dan Fi Pentadbiran mengikut Pemegang Lesen Pengagihan dari tahun 2012 sehingga 2024

Berdasarkan kategori TBB, jumlah perbelanjaan kumulatif RoM dan Fi Pentadbiran tertinggi direkodkan bagi teknologi Solar PV, iaitu sebanyak RM3.32 bilion atau 76.20% daripada jumlah keseluruhan. Ini diikuti oleh teknologi Biogas sebanyak RM740.54 juta (17.00%), Biojisim sebanyak RM271.24 juta (6.23%) dan Hidrokuasa Kecil sebanyak RM24.45 juta (0.56%).

Perincian lengkap perbelanjaan RoM dan Fi Pentadbiran mengikut kategori TBB bagi tempoh 2012 sehingga 2024 adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Ekshibit 16**.

Jumlah Perbelanjaan Kumulatif Perbelanjaan RoM dan Fi Pentadbiran mengikut Kategori Tenaga Boleh Baharu dari Tahun 2012 sehingga 2024

| PEMEGANG LESEN PENGAGIHAN |                                                                                   |                                                                                   |                                                                                    |                                                                                                                                      |
|---------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|                           |  |  |  |                                                   |
| 2012 - 2024               | SOLAR PV                                                                          | BIOGAS                                                                            | BIOJISIM                                                                           | HIDROKUASA KECIL                                                                                                                     |
| Perbelanjaan RoM          | RM3.25 bilion                                                                     | RM726.02 juta                                                                     | RM265.92 juta                                                                      | RM23.97 juta                                                                                                                         |
| Fi Pentadbiran            | RM65.07 juta                                                                      | RM14.52 juta                                                                      | RM5.32 juta                                                                        | RM479.53 ribu                                                                                                                        |
| Jumlah                    | RM3.32 bilion                                                                     | RM740.54 juta                                                                     | RM271.24 juta                                                                      | RM24.45 juta                                                                                                                         |
|                           |                                                                                   |                                                                                   |                                                                                    | <b>JUMLAH</b><br>Perbelanjaan RoM<br><b>RM4.27 bilion</b><br>Fi Pentadbiran<br><b>RM85.40 juta</b><br>Jumlah<br><b>RM4.35 bilion</b> |

**Ekshibit 16** Jumlah Kumulatif Perbelanjaan RoM dan Fi Pentadbiran mengikut Kategori Tenaga Boleh Baharu dari Tahun 2012 sehingga 2024

FI PENTADBIRAN PIHAK BERKUASA (2023 & 2024)

P.U.(A) 389/2011 : Perintah Tenaga Boleh Baharu (Fi Pentadbiran) 2011.

3% daripada jumlah RoM yang dituntut oleh PLP.

2023  
RM13.63 juta  
JUMLAH PENURUNAN  
RM1.26 juta



2024  
RM12.37 juta  
KADAR PENURUNAN  
9.21%

SEBAB PENURUNAN

Penurunan ini sejajar dengan pengurangan jumlah RoM yang dituntut oleh PLP bagi tahun 2024.


**NOTA PENTING**  
Fi Pentadbiran merupakan sumber pembiayaan operasi utama Pihak Berkuasa, berdasarkan peratusan tetap yang ditetapkan dalam perundangan sedia ada.

## PERBELANJAAN PERENGKAN 25(b) AKTA 725 (2023 & 2024)

### JUMLAH PERBELANJAAN

**2024**  
**RM1.89 juta**

Merujuk kepada pembayaran bekalan, perkhidmatan, dan perbelanjaan berkaitan pelaksanaan Akta 725.



PENINGKATAN  
**RM423.78 ribu**  
(+28.92%)

**2023**  
**RM1.47 juta**

### SEBAB PENINGKATAN

*Hydrological Study on Hydro Potential in Peninsular Malaysia*

**RM341.03 ribu**

*Bioenergy Clustering Potential in Peninsular Malaysia*

**RM96.6 ribu**

(5% daripada jumlah kontrak)



Perincian lengkap perbelanjaan bagi tahun 2023 dan 2024 adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Ekshibit 17**.

## PERBELANJAAN DI BAWAH PERENGKAN 25(b) AKTA 725 BAGI TAHUN 2023 DAN 2024



### KOS PENGAUDITAN DAN PERCUKAIAN

|                      |                      |
|----------------------|----------------------|
| 2023                 | 2024                 |
| <b>RM574.93</b> ribu | <b>RM419.38</b> ribu |



### LAIN-LAIN

|                      |                      |
|----------------------|----------------------|
| 2023                 | 2024                 |
| <b>RM213.83</b> ribu | <b>RM200.21</b> ribu |



### PENYELENGGARAAN KOMPUTER

|                      |                      |
|----------------------|----------------------|
| 2023                 | 2024                 |
| <b>RM564.21</b> ribu | <b>RM754.74</b> ribu |



### PERKHIDMATAN KONSULTAN

|                     |                      |
|---------------------|----------------------|
| 2023                | 2024                 |
| <b>RM83.24</b> ribu | <b>RM477.22</b> ribu |



### PERCETAKAN

|                     |                     |
|---------------------|---------------------|
| 2023                | 2024                |
| <b>RM28.97</b> ribu | <b>RM37.41</b> ribu |

### JUMLAH

|                    |                    |
|--------------------|--------------------|
| 2023               | 2024               |
| <b>RM1.47</b> juta | <b>RM1.89</b> juta |







# Laporan Audit KWTBB Tahun 2024

- 34 Penyata Pengerusi dan  
Seorang Anggota Pihak  
Berkuasa
  - 35 Pengakuan oleh  
Pegawai Utama yang  
Bertanggungjawab ke atas  
Pengurusan Kewangan  
KWTBB
  - 36 Penyata Kewangan KWTBB  
Tahun 2024
- 





# MOHD NIZARUDDIN & CO.

Chartered Accountants / Akauntan Bertauliah (AF 1312)  
No. 8-3B, Plaza Citra, Jalan Citra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan  
Tel: 03-8739 8279 Email: audit@mncsvr.com

## **LAPORAN JURUAUDIT BEBAS MENGENAI PENYATA KEWANGAN KUMPULAN WANG TENAGA BOLEH BAHARU**

### **LAPORAN MENGENAI PENYATA KEWANGAN**

#### **PENDAPAT**

Kami telah mengaudit penyata kewangan Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu (KWTBB) ditadbir dan dikawal oleh Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia (SEDA Malaysia), yang terdiri daripada penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2024, penyata prestasi kewangan, penyata perubahan aset bersih, penyata aliran tunai dan penyata prestasi bajet bagi tahun berakhir 31 Disember 2024, dan nota-nota kepada penyata kewangan, termasuk dasar-dasar perakaunan yang penting dan nota-nota kepada penyata kewangan seperti yang dibentangkan di muka surat yang disertakan.

Pada pendapat kami, penyata kewangan yang disertakan telah memberikan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan KWTBB pada 31 Disember 2024 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir disediakan menurut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia ("MPSAS") dan Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 (Akta 725).

#### **ASAS PENDAPAT**

Kami telah menjalankan kerja-kerja audit selaras dengan piawaian-piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian-piawaian tersebut diuraikan dengan lanjut dalam bahagian "Tanggungjawab Juruaudit terhadap Audit Penyata Kewangan" dalam laporan kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas bagi pendapat kami.

#### **KEBEBASAN DAN TANGGUNGJAWAB ETIKA YANG LAIN**

Kami adalah bebas dan berkecuali daripada pihak KWTBB dan kami juga telah mengikut Undang-Undang Kecil (Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia ("Undang-Undang Kecil") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Akauntan Etika Profesional Akauntan ("IESBA"), dan serta memenuhi tanggungjawab etika kami yang lain mengikut undang-undang kecil dan Kod IESBA.

#### **MAKLUMAT SELAIN DARIPADA PENYATA KEWANGAN DAN LAPORAN JURUAUDIT**

Anggota Pihak Berkuasa adalah bertanggungjawab untuk lain-lain maklumat. Lain-lain maklumat tersebut merangkumi Laporan Anggota Pihak Berkuasa tetapi tidak termasuk penyata kewangan KWTBB dan laporan juruaudit kami yang berkaitan.

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS**  
**MENGENAI PENYATA KEWANGAN**  
**KUMPULAN WANG TENAGA BOLEH BAHARU**  
**( SAMBUNGAN )**

Pendapat kami mengenai penyata kewangan KWTBB tidak meliputi lain-lain maklumat tersebut dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan yang berkaitan.

Sehubungan dengan pengauditan kami ke atas penyata kewangan KWTBB ini, tanggungjawab kami adalah untuk membaca lain-lain maklumat tersebut dan dengan berbuat demikian untuk mempertimbangkan sama ada lain-lain maklumat tersebut adalah secara terus menerus matan dengan penyata kewangan KWTBB atau jika dalam pengetahuan yang kami perolehi melalui kerja-kerja pengauditan atau lain-lain cara yang akan menunjukkan ianya telah salah nyata secara matan.

Jika berdasarkan kerja-kerja yang telah kami laksanakan, dan kami juga telah membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata yang ketara di dalam lain-lain maklumat tersebut, kami akan dikehendaki melaporkan perkara tersebut. Pihak kami tidak mempunyai apa-apa untuk dilaporkan dalam hal ini.

**PERKARA AUDIT UTAMA ("KEY AUDIT MATTERS")**

Perkara audit utama adalah perkara-perkara yang mana dalam penghakiman professional kami, adalah beberapa perkara yang diberikan lebih perhatian serta kerja-kerja audit tambahan semasa pengauditan penyata kewangan KWTBB pada tahun semasa.

Ianya telah diteliti semasa pengauditan penyata kewangan secara keseluruhan dan bagi tujuan menyatakan pendapat kami, kami tidak akan mengeluarkan pendapat berasingan ke atas perkara ini. Perkara-perkara yang dinyatakan di bawah adalah perkara-perkara audit utama yang telah dibincangkan melalui laporan audit ini. Perkara-perkara audit utama tersebut adalah seperti berikut:

1. Pengiktirafan kutipan Urus Niaga Bukan Pertukaran dan tuntutan Mendapatkan Wang dan Fi Pentadbiran oleh Pemegang Lesen Pengagihan (PLP).
2. Pelaburan di dalam Simpanan Tetap Jangka Pendek.
3. Perkara-perkara berkaitan percukaian bagi tahun semasa dan tahun-tahun terdahulu.

Kaedah dan prosedur yang telah diambil untuk menangani perkara audit utama di atas adalah seperti berikut :

1. Mendapatkan pemahaman tambahan mengenai sistem dengan lebih terperinci, proses dan kawalan serta melaksanakan ujian ke atas kawalan utama.
2. Meneliti minit-minit mesyuarat, surat-surat dan dasar-dasar perakaunan yang telah ditetapkan dan diterima pakai oleh KWTBB.
3. Meneliti dan menyemak semula pengiraan jumlah cukai yang dikira bagi tahun taksiran terdahulu oleh pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri.



**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS**  
**MENGENAI PENYATA KEWANGAN**  
**KUMPULAN WANG TENAGA BOLEH BAHARU**  
**( SAMBUNGAN )**

**TANGGUNGJAWAB ANGGOTA PIHAK BERKUASA KE ATAS PENYATA KEWANGAN**

Anggota Pihak Berkuasa adalah bertanggungjawab untuk penyediaan penyata kewangan KWTBB yang memberi gambaran yang benar dan saksama menurut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia ("MPSAS") dan Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 (Akta 725). Anggota Pihak Berkuasa juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditentukan sewajarnya oleh Anggota Pihak Berkuasa untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan KWTBB yang bebas daripada kesalahan yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan KWTBB, Anggota Pihak Berkuasa bertanggungjawab untuk menilai keupayaan KWTBB untuk kekal sebagai satu usaha berterusan, menyatakan, yang mana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan berkaitan usaha berterusan.

**TANGGUNGJAWAB JURUAUDIT TERHADAP AUDIT PENYATA KEWANGAN**

Objektif kami adalah untuk memperolehi jaminan yang munasabah sama ada atau tidak penyata kewangan KWTBB secara keseluruhan adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah tahap jaminan tertinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit dijalankan mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap memberi kesan ketara jika secara individu atau dalam agregat, mereka semunasabahnya dapat dijangkakan untuk mempengaruhi keputusan ekonomi diambil oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional di seluruh audit. Kami juga:

- i. Menenalpasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara ke atas penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merancang dan melaksanakan prosedur audit responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas yang munasabah untuk pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara yang terhasil daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada yang terhasil daripada kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan sengaja, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- ii. Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman KWTBB.
- iii. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh Anggota Pihak Berkuasa.

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS**  
**MENGENAI PENYATA KEWANGAN**  
**KUMPULAN WANG TENAGA BOLEH BAHARU**  
**(SAMBUNGAN)**

- iv. Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas usaha berterusan perakaunan Anggota Pihak Berkuasa dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada ketidaktentuan ketara wujud yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang ketara ke atas keupayaan KWTBB untuk terus sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidaktentuan ketara wujud, kami dikehendaki untuk menarik perhatian dalam laporan juruaudit kami ke atas pendedahan berkaitan dalam penyata kewangan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, mengubahkan pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan pada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan Juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa depan boleh menyebabkan KWTBB berhenti untuk terus sebagai satu usaha berterusan.

Kami berkomunikasi dengan Anggota Pihak Berkuasa mengenai, antara perkara lain, skop dan masa audit yang telah dirancang dan penemuan penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang kami mengenal pasti sepanjang pengauditan kami.

**LAPORAN MENGENAI KEPERLUAN PERUNDANGAN DAN PIHAK BERKUASA LAIN**

Rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain, serta daftar yang wajib disimpan oleh Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia dibawah Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 (Akta 725) telah disimpan dengan sempurna selaras dengan peruntukan Akta tersebut.

  
.....  
MOHD NIZARUDDIN & CO.  
AF 1312  
Akauntan Bertauliah (M)

  
.....  
MOHD NIZARUDDIN BIN MOHD ISA  
No. 02102/10/2026 J  
Akauntan Bertauliah

Kajang, Selangor.  
Tarikh: 15 JUL 2025


Ruj: 2506026



**PENYATA Pengerusi dan Seorang Anggota Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia**

Kami, Ahmad Zairin Bin Ismail dan Dr. Nurmazilah Binti Dato' Mahzan yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Anggota Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota Pihak Berkuasa, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu pada 31 Disember 2024 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Anggota Pihak Berkuasa:

  
.....  
Nama: AHMAO ZAIRIN BIN ISMAIL  
Gelaran: Pengerusi  
Tarikh: 23 APR 2025  
Tempat: Pihak Berkuasa Pembangunan  
Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia  
Presint 4, Putrajaya

Bagi pihak Anggota Pihak Berkuasa:

  
.....  
Nama: Dr. NURMAZILAH BINTI DATO' MAHZAN  
Gelaran: Anggota Pihak Berkuasa  
Tarikh: 23 APR 2025  
Tempat: Pihak Berkuasa Pembangunan  
Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia  
Presint 4, Putrajaya

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN KUMPULAN WANG TENAGA BOLEH BAHARU**


Saya, Zafina Binti Ahmad, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)

diakui oleh penama di atas )

di.....Putrajaya..... )

pada.....23 APR 2025..... )



**ZAFINA BINTI AHMAD**

**750505-08-6560**

**PENGARAH KEWANGAN**



**PESURUHJAYA SUMPAH**

Block C-19A, 1st Floor,  
Bazaar@8, Jalan Seluang P8/7,  
Presint 8, 62250 Putrajaya.  
+6019-3808703, +603-83280306  
mf8vocate1@gmail.com





## Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2024

|                                          |      | 2024                 | 2023                 |
|------------------------------------------|------|----------------------|----------------------|
|                                          | NOTA | RM                   | RM                   |
| <b>ASET</b>                              |      |                      |                      |
| <b>Aset Semasa</b>                       |      |                      |                      |
| Tunai dan Kesetaraan Tunai               | 3    | 90,910,631           | 144,713,162          |
| Pelaburan Jangka Pendek                  | 4    | 4,676,000,000        | 4,076,000,000        |
| Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Terima | 5    | 136,323,293          | 135,898,487          |
| Urus Niaga Pertukaran Belum Terima       | 6    | 20,987,768           | 11,559,785           |
| Cukai Terlebihi Bayar                    | 7    | 187,413,390          | 237,413,390          |
| <b>Jumlah Aset Semasa</b>                |      | <b>5,111,635,082</b> | <b>4,605,584,824</b> |
| <b>Aset Bukan Semasa</b>                 |      |                      |                      |
| Hartanah, Loji dan Peralatan             | 8    | 64,957               | -                    |
| Aset Tak Ketara                          | 9    | 592,670              | 309,713              |
| Aset Dalam Pembinaan                     |      | -                    | 91,278               |
| <b>Jumlah Aset Bukan Semasa</b>          |      | <b>657,627</b>       | <b>400,992</b>       |
| <b>Jumlah Aset</b>                       |      | <b>5,112,292,709</b> | <b>4,605,985,816</b> |
| <b>LIABILITI</b>                         |      |                      |                      |
| <b>Liabiliti Semasa</b>                  |      |                      |                      |
| Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar        | 10   | 67,762,240           | 85,459,015           |
| Cukai Belum Bayar                        | 7    | 223,273              | 399,288              |
| <b>Jumlah Liabiliti Semasa</b>           |      | <b>67,985,513</b>    | <b>85,858,303</b>    |
| <b>Liabiliti Bukan Semasa</b>            |      |                      |                      |
| Geran Tertunda                           | 11   | 6,477,140            | 7,076,419            |
| Liabiliti Cukai Tertunda                 | 12   | -                    | -                    |
| <b>Jumlah Liabiliti Bukan Semasa</b>     |      | <b>6,477,140</b>     | <b>7,076,419</b>     |
| <b>Jumlah Liabiliti</b>                  |      | <b>74,462,653</b>    | <b>92,934,722</b>    |
| <b>Aset Bersih</b>                       |      | <b>5,037,830,056</b> | <b>4,513,051,094</b> |
| <b>ASET BERSIH</b>                       |      |                      |                      |
| Lebihan Terkumpul                        |      | 5,037,830,056        | 4,513,051,094        |
| <b>Jumlah Aset Bersih</b>                |      | <b>5,037,830,056</b> | <b>4,513,051,094</b> |

*Nota-nota yang dikemukakan merupakan sebahagian asasi akaun-akaun ini.*



# Penyata Prestasi Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2024

|                                                |      | 2024                 | 2023               |
|------------------------------------------------|------|----------------------|--------------------|
|                                                | NOTA | RM                   | RM                 |
| <b>Hasil</b>                                   |      |                      |                    |
| Urus Niaga Pertukaran                          | 13   | 188,641,008          | 164,755,616        |
| Urus Niaga Bukan Pertukaran                    | 14   | 816,458,343          | 782,627,724        |
| Hasil Lain                                     | 15   | 489,439              | -                  |
| <b>Jumlah Hasil</b>                            |      | <b>1,005,588,790</b> | <b>947,383,340</b> |
| <b>Belanja</b>                                 |      |                      |                    |
| Kos Mendapatkan Wang & Fi Pentadbiran          |      |                      |                    |
| Pemegang Lesen Pengagihan                      | 16   | 420,624,228          | 463,295,805        |
| Fi Pentadbiran SEDA Malaysia                   | 17   | 12,371,306           | 13,626,353         |
| Perkhidmatan dan Bekalan                       | 18   | 1,888,954            | 1,465,171          |
| Belanja Susut Nilai                            | 19   | 52,106               | 44,392             |
| Geran dan Pindahan                             | 20   | 599,279              | 648,715            |
| Bayaran Lain                                   | 21   | 113                  | 559,717            |
| <b>Jumlah Belanja</b>                          |      | <b>435,535,986</b>   | <b>479,640,153</b> |
| Lebihan Bagi Tahun Semasa Sebelum Cukai        |      | 570,052,804          | 467,743,187        |
| Cukai                                          |      | 45,273,842           | 39,477,671         |
| <b>Lebihan Bagi Tahun Semasa Selepas Cukai</b> |      | <b>524,778,962</b>   | <b>428,265,516</b> |

*Nota-nota yang dikemukakan merupakan sebahagian asasi akaun-akaun ini.*



# Penyata Perubahan Aset Bersih bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2024

|                            | Lebihan<br>Terkumpul | Jumlah Aset<br>Bersih |
|----------------------------|----------------------|-----------------------|
|                            | RM                   | RM                    |
| Baki Pada 1 Januari 2023   | 4,084,785,578        | 4,084,785,578         |
| Lebihan Bagi Tahun Semasa  | 428,265,516          | 428,265,516           |
| Baki Pada 31 Disember 2023 | 4,513,051,094        | 4,513,051,094         |
| Lebihan Bagi Tahun Semasa  | 524,778,962          | 524,778,962           |
| Baki Pada 31 Disember 2024 | 5,037,830,056        | 5,037,830,056         |

Nota-nota yang dikemukakan merupakan sebahagian asasi akaun-akaun ini.



# Penyata Aliran Tunai bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2024

|                                                                 |      | 2024                 | Seperti Yang Dinyatakan Semula 2023 |
|-----------------------------------------------------------------|------|----------------------|-------------------------------------|
|                                                                 | NOTA | RM                   | RM                                  |
| <b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b>                   |      |                      |                                     |
| Lebihan Selepas Cukai                                           |      | 524,778,962          | 427,904,040                         |
| Pergerakan/Pelarasan Bukan Tunai:                               |      |                      |                                     |
| Belanja Susut Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan                |      | 1,983                | -                                   |
| Pelunasan Aset Tak Ketara                                       |      | 50,123               | 44,392                              |
| Pendapatan Geran                                                |      | (599,279)            | (648,715)                           |
| Terimaan Geran                                                  | 22   | -                    | 862,155                             |
| Hibah Bank                                                      |      | -                    | (6,679,471)                         |
| Lebihan Pelaburan Jangka Pendek                                 |      | -                    | (158,076,145)                       |
| Cukai Tertunda                                                  |      | -                    | (63,677)                            |
| Cukai Belum Bayar                                               |      | (176,015)            | 399,288                             |
| Pertambahan Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja               |      | <b>524,055,774</b>   | <b>263,741,867</b>                  |
| <b>Perubahan Dalam Modal Kerja:</b>                             |      |                      |                                     |
| Peningkatan Dalam Peruntukan Bagi Hutang Ragu                   |      | -                    | 559,618                             |
| Peningkatan Urusniaga Bukan Pertukaran Belum Terima             |      | (424,806)            | (8,713,587)                         |
| Peningkatan Urusniaga Pertukaran Belum Terima                   |      | (9,427,983)          | (2,634,917)                         |
| Peningkatan/(Kurangan) Dalam Pertukaran Belum Bayar             |      | (17,696,775)         | 8,049,784                           |
| <b>Tunai Bersih Dihasilkan daripada Aktiviti Operasi</b>        |      | <b>496,506,210</b>   | <b>261,002,765</b>                  |
| Hibah Diterima                                                  |      | -                    | 6,679,471                           |
| Pulangan Cukai Diterima                                         |      | 50,000,000           | 289,142,060                         |
| <b>Aliran Tunai Bersih daripada Aktiviti Operasi</b>            |      | <b>546,506,210</b>   | <b>556,824,296</b>                  |
| <b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>                 |      |                      |                                     |
| Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan                          |      | (66,940)             | -                                   |
| Pembelian Aset Tak Ketara                                       |      | (241,801)            | (91,278)                            |
| Pelaburan Jangka Pendek                                         |      | (600,000,000)        | (646,000,000)                       |
| Terimaan daripada Jualan Pelaburan                              |      | -                    | 158,076,145                         |
| <b>Aliran Tunai Bersih daripada Aktiviti Pelaburan</b>          |      | <b>(600,308,741)</b> | <b>(488,015,133)</b>                |
| <b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>                |      |                      |                                     |
|                                                                 |      | -                    | -                                   |
| <b>Peningkatan/(Kurangan) Dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai</b>  |      | <b>(53,802,531)</b>  | <b>68,809,163</b>                   |
| <b>Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun</b>               |      | <b>144,713,162</b>   | <b>75,903,999</b>                   |
| <b>Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun</b>              |      | <b>90,910,631</b>    | <b>144,713,162</b>                  |
| <b>Nota Kepada Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun:</b> |      |                      |                                     |
| Tunai di Tangan dan Bank                                        | 3    | <b>90,910,631</b>    | <b>144,713,162</b>                  |

*Nota-nota yang dikemukakan merupakan sebahagian asasi akaun-akaun ini.*





# Penyata Prestasi Bajet bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2024

|                                       |             | <b>Amaun Bajet<br/>Asal/Akhir</b> | <b>Sebenar</b>       | <b>Perbezaan</b>    |
|---------------------------------------|-------------|-----------------------------------|----------------------|---------------------|
|                                       | <b>NOTA</b> | <b>RM</b>                         | <b>RM</b>            | <b>RM</b>           |
| <b>MENGURUS</b>                       |             |                                   |                      |                     |
| <b>PENDAPATAN</b>                     |             |                                   |                      |                     |
| Peruntukan daripada Tarif Elektrik    | 23(a)       | 757,860,000                       | 815,859,064          | 57,999,064          |
| Faedah Pelaburan & Hibah              | 23(b)       | 178,240,000                       | 188,641,008          | 10,401,008          |
| Hasil Lain                            |             | -                                 | 489,439              | 489,439             |
| <b>Jumlah Terimaan</b>                |             | <b>936,100,000</b>                | <b>1,004,989,511</b> | <b>68,889,511</b>   |
| <b>PERBELANJAAN</b>                   |             |                                   |                      |                     |
| Mendapatkan Wang & Fi Pentadbiran PLP | 23(c)       | 444,762,500                       | 420,624,228          | 24,138,272          |
| Fi Pentadbiran SEDA Malaysia          |             | 13,081,300                        | 12,371,306           | 709,994             |
| Perkhidmatan dan Bekalan              | 23(d)       | 3,828,400                         | 1,888,954            | 1,939,446           |
| Bayaran Lain                          |             | 200                               | 113                  | 87                  |
| <b>Jumlah Bayaran</b>                 |             | <b>461,672,400</b>                | <b>434,884,601</b>   | <b>26,787,799</b>   |
| <b>LEBIHAN BERSIH SEBELUM CUKAI</b>   |             | <b>474,427,600</b>                | <b>570,104,910</b>   | <b>(95,677,310)</b> |
| Cukai                                 |             | 42,777,600                        | 45,273,842           | (2,496,242)         |
| <b>LEBIHAN BERSIH SELEPAS CUKAI</b>   |             | <b>431,650,000</b>                | <b>524,831,068</b>   | <b>(93,181,068)</b> |
| <b>HARTA MODAL</b>                    |             |                                   |                      |                     |
| Hartanah, Loji dan Peralatan          |             | 230,000                           | 66,940               | 163,060             |
| Aset Tak Ketara                       |             | 237,400                           | 241,801              | (4,401)             |
| Aset Dalam Pembinaan                  |             | -                                 | -                    | -                   |
| <b>LEBIHAN BERSIH</b>                 |             | <b>431,182,600</b>                | <b>524,522,327</b>   | <b>(93,339,727)</b> |

*Nota-nota yang dikemukakan merupakan sebahagian asasi akaun-akaun ini.*



# Nota Akaun Kepada Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2024

## 1. ASAS PENYEDIAAN

### a) **Maklumat Am**

Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu (KWTBB) telah ditubuhkan di bawah seksyen 23 Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 [Akta 725] dan ianya hendaklah ditadbir dan dikawal oleh Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia (SEDA) Malaysia ("Pihak Berkuasa") mulai tahun 2011. Objektif utama KWTBB adalah untuk membiayai perkembangan tenaga boleh baharu dan mekanisme *Feed in Tariff* (FiT).

Segala kos operasi dan emolumen bagi mentadbir KWTBB dibayar oleh Pihak Berkuasa.

Anggota Pihak Berkuasa dilantik oleh Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA). Anggota Pihak Berkuasa terdiri daripada seorang (1) Pengerusi, tiga (3) wakil Kerajaan Persekutuan, lima (5) orang anggota lain dan Ketua Pegawai Eksekutif.

Anggota Pihak Berkuasa yang masih berkhidmat sejak tarikh akhir Penyata Kewangan ini adalah seperti berikut:

#### **Anggota Yang Masih Kekal Bagi Tahun 2024:**

YBrs. Tuan Ahmad Zairin bin Ismail – Pengerusi  
 YBrs. Ir. Ts. Dr. Mohd Azhar bin Abd Hamid  
 YB Tuan Lee Chean Chung  
 YB Tuan Ganabatirau a/I Veraman  
 YBrs. Ir. Abdul Rahim bin Ibrahim  
 YBrs. Dr. Nurmazilah binti Dato' Mahzan  
 YBrs. Puan Haslina binti Abdul Samad  
 YBhg. Dato' Hamzah bin Hussin – Ketua Pegawai Eksekutif

#### **Anggota Baharu Yang Dilantik Pada Tahun 2024:**

YBhg. Dato' Haji Mad Zaidi bin Mohd Karli (Pelantikan Pada 1 Februari 2024)  
 YBhg. Tan Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz (Pelantikan Pada 1 Ogos 2024)

#### **Anggota Yang Tamat Perkhidmatan Pada Tahun 2024:**

YBhg. Dr. Ching Thoo a/I Kim (Tamat Perkhidmatan Pada 31 Januari 2024)  
 YBrs. Ts. Dr. Sang Yew Ngin (Tamat Perkhidmatan Pada 31 Mac 2024)  
 YBrs. En. Saiful Sungkih bin Abdullah (Tamat Perkhidmatan Pada 31 Julai 2024)

Sejak akhir tahun kewangan yang lepas, tiada Anggota Pihak Berkuasa menerima atau layak menerima sebarang manfaat daripada KWTBB seperti yang termaktub di dalam Akta Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari 2011 [Akta 726].

Penyata Kewangan Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu bagi tahun berakhir 31 Disember 2024 telah dibentang dan diperakukan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia Bil. 1/2024 pada 24 Mac 2024 dan diluluskan melalui Ketetapan Tanpa Bermesyuarat Anggota Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Bil. 2/2025 pada 23 April 2025.

**b) Penyata Pematuhan**

Penyata Kewangan ini telah disediakan berdasarkan kepada Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS).

Penyata Kewangan ini telah disediakan mengikut asas akruan menurut kelaziman Kos Sejarah kecuali seperti yang didedahkan di Dasar Perakaunan.

Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan ialah peristiwa yang memuaskan atau sebaliknya, yang berlaku antara tarikh pelaporan dengan tarikh apabila Penyata Kewangan diterbitkan.

**c) Pertimbangan Dan Anggaran**

Penyediaan Penyata Kewangan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar dan amaun bagi Aset, Liabiliti, Hasil dan Belanja yang dilaporkan.

Anggaran dan andaian yang digunakan akan disemak secara berterusan. Semakan semula kepada anggaran perakaunan akan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut disemak, jika semakan semula hanya memberi kesan kepada tempoh tersebut, atau dalam tempoh semakan dan tempoh masa hadapan sekiranya semakan semula memberi kesan kepada tempoh semasa dan masa yang akan datang.

**2. DASAR PERAKAUNAN**

Dasar perakaunan yang berikut diamalkan oleh Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu:

**a) Asas Perakaunan**

KWTBB mengguna pakai piawaian perakaunan MPSAS.

**b) Pengiktirafan Hasil****(i) Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran**

Urus Niaga Bukan Pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, KWTBB hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

- Sumbangan Peruntukan daripada Tarif Elektrik

Sumbangan Peruntukan daripada Tarif Elektrik adalah kutipan bulanan daripada caj tambahan sebanyak 1.6% yang dikenakan ke atas bil elektrik semua pengguna di Semenanjung Malaysia dan Labuan kecuali pengguna domestik dengan penggunaan elektrik bulanan 300 kilowatt jam dan ke bawah. Kutipan daripada pengguna Negeri Sabah hanya untuk kutipan sehingga 2 Januari 2024 dan tertunggak sahaja selaras Penyerahan Kuasa Kawal Selia Pembekalan Elektrik Negeri Sabah Dan Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) kepada Kerajaan Negeri Sabah melalui Enakmen Tenaga Boleh Baharu Sabah, 2024 berkuatkuasa 3 Januari 2024. Pendapatan ini diambil kira apabila kutipan yang kena dibayar dikenakan dan diterima pada tahun kewangan mengikut asas akruan.

- Pelunasan Geran Program MySuria

Geran Program MySuria diiktiraf apabila diterima dan akan dilunaskan sebagai belanja apabila KWTBB menanggung perbelanjaan tersebut.

**(ii) Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran**

Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran wujud daripada urusan yang melibatkan pertukaran nilai yang lebih kurang sama. Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

- Pendapatan Faedah dan Hibah

Pendapatan faedah dan hibah diiktiraf berasaskan akruan atas perkadaran masa yang mengambil kira kadar pulangan hasil efektif atas aset tersebut. Kadar pulangan hasil efektif ke atas aset ialah kadar keuntungan yang diperlukan untuk mendiskaunkan jangkaan aliran penerimaan tunai masa hadapan sepanjang hayat aset tersebut untuk disamakan dengan amaun bawaan awal aset tersebut.

**c) Hartanah, Loji dan Peralatan**

Aset diiktiraf sebagai Hartanah, Loji dan Peralatan apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir kepada KWTBB, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Had nilai dipermodalkan untuk Hartanah, Loji dan Peralatan adalah RM2,000 bagi setiap item tertakluk kepada kajian semula pada masa hadapan.

Hartanah, Loji dan Peralatan dinyatakan pada kos tolak susut nilai dan rosot nilai terkumpul (jika ada). Kos termasuk semua kos yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan. Kos penggantian bagi mana-mana aset yang memerlukan penggantian secara berkala akan dipermodalkan manakala nilai dibawa bagi bahagian yang diganti tersebut akan dinyahiktirafkan. Kos-kos perkhidmatan harian akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Lebihan atau Kurangan. Jika sesuatu aset diperoleh melalui Urus Niaga Bukan Pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Aset-aset ini kemudiannya akan dikreditkan di dalam Penyata Prestasi Kewangan melainkan jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut, di mana ia perlu diiktiraf di dalam Liabiliti Semasa. Nilai saksama ditentukan dengan merujuk kepada nilai oleh Jurunilai Berlesen.

Nilai dibawa item Hartanah, Loji dan Peralatan hendaklah dinyahiktiraf semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf Hartanah, Loji dan Peralatan adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam Lebihan atau Kurangan.

### **Susut Nilai**

Susut Nilai bagi Hartanah, Loji dan Peralatan dikira berdasarkan kaedah asas garis lurus ke atas anggaran jangka masa guna aset berkenaan.

Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak berguna aset sejak tarikh laporan tahunan lepas, nilai sisa, kaedah susut nilai dan hayat berguna aset yang boleh disusut nilai akan disemak semula dan dilaraskan secara prospektif.

Kadar tahunan susut nilai adalah seperti berikut:

| Kategori Hartanah, Loji dan Peralatan | Kadar susut nilai (%) |
|---------------------------------------|-----------------------|
| Komputer dan Sistem Aplikasi          | 33 1/3                |

#### **d) Aset Tak Ketara**

Aset Tak Ketara diiktiraf apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada KWTBB dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.

Aset Tak Ketara diambil alih secara berasingan adalah diukur pada kos pada awalnya manakala aset yang diperolehi melalui Urus Niaga Bukan Pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas itu, Aset Tak Ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos yang berkaitan dengan Aset Tak Ketara yang dijanakan secara dalaman kecuali perbelanjaan pembangunan diiktiraf sebagai perbelanjaan. Nilai saksama ditentukan dengan merujuk kepada nilaian oleh Pengarah Bahagian Perkhidmatan Digital.

Sesuatu Aset Tak Ketara itu akan dinilai sama ada terdapat tempoh jangkaan hayat ataupun tidak. Jika Aset Tak Ketara itu tidak mempunyai jangkaan hayat, maka ia tidak perlu dilunaskan tetapi perlu dinilai sama ada perlu dibuat rosot nilai jika terdapat sebarang petunjuk.

Semua kos pembaikan dan penyelenggaraan akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dan dikira dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh di mana ianya ditanggung.

Tempoh jangka hayat Aset Tak Ketara adalah dalam tempoh lima (5) hingga sepuluh (10) tahun. Namun jika terdapat penambahbaikan kepada Aset Tak Ketara dan direkodkan sebagai dipermodalkan kepada bersama aset utama, jangka hayat aset tersebut adalah tertakluk kepada baki jangka hayat aset utama tersebut.

Pada setiap tarikh pelaporan, tempoh dan kaedah pelunasan akan dikaji semula jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa jangkaan hayat atau corak penggunaan aset sejak tarikh pelaporan tahunan yang lalu.



Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf Aset Tak Ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai bawaan aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam lebihan atau kekurangan.

**e) Urur Niaga Bukan Pertukaran Belum Terima**

Urur Niaga Bukan Pertukaran Belum Terima dinyatakan pada kos. Hutang ragu akan diperuntukkan bagi hutang yang tidak membayar melebihi tempoh satu (1) tahun.

**f) Tunai Dan Kesetaraan Tunai**

Tunai Dan Kesetaraan Tunai terdiri daripada baki di bank, deposit di bank dan institusi kewangan lain serta pelaburan berjangka pendek yang mempunyai kecairan tinggi dengan tempoh matang tiga (3) bulan dan kurang dari tarikh pelaburan dan sedia ditukar dalam bentuk tunai dengan risiko perubahan nilai yang rendah.

**g) Urur Niaga Pertukaran Belum Bayar**

Urur Niaga Pertukaran Belum Bayar dinyatakan pada kos yang menyamai nilai saksama ganjaran yang dibayar pada masa hadapan untuk barangan dan perkhidmatan yang diberi.

**h) Pelaburan Jangka Pendek**

Pelaburan berjangka pendek yang mempunyai kecairan tinggi dengan tempoh matang tiga (3) bulan dan sehingga setahun dari tarikh pelaburan dan sedia ditukar dalam bentuk tunai dengan risiko perubahan nilai yang rendah.

**i) Cukai**

Cukai pendapatan ke atas lebihan atau defisit bagi tahun berkenaan ialah cukai semasa. Cukai semasa ialah jumlah cukai pendapatan dijangka yang perlu dibayar atas lebihan yang dikenakan cukai dan diukur dengan menggunakan kadar cukai pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

Perbelanjaan cukai semasa adalah bayaran cukai yang dijangkakan boleh dikenakan bagi tahun semasa, dengan menggunakan kadar cukai yang diwartakan atau sebahagian besarnya dikuatkuasakan pada Tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan sebarang perubahan pada bayaran cukai untuk tahun terdahulu.

Cukai Tertunda diperuntukkan sepenuhnya ke atas perbezaan sementara yang merupakan perbezaan di antara amaun bawaan dalam penyata kewangan dan asas cukai yang sama bagi Aset dan Liabiliti pada akhir tempoh pelaporan.

Liabiliti Cukai Tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh dicukai yang dijangka meningkatkan keuntungan boleh dicukai pada masa depan. Aset Cukai Tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara yang boleh ditolak yang dijangka akan mengurangkan keuntungan boleh cukai pada masa depan dan kerugian cukai tidak digunakan yang dibawa ke hadapan dan kredit cukai yang tidak digunakan.

Liabiliti dan Aset Cukai Tertunda tidak diiktiraf bagi perbezaan sementara berkaitan dengan pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam urusan yang bukan penggabungan perniagaan dan pada masa urusan, tidak menjejaskan keuntungan perakaunan mahupun keuntungan boleh dicukai. Liabiliti cukai tertunda juga tidak diiktiraf bagi perbezaan sementara berkaitan dengan pengiktirafan awal muhibah.

Liabiliti dan aset cukai tertunda menggambarkan akibat cukai yang akan mengikuti daripada cara KWTBB menjangkakan untuk mendapatkan semula atau menyelesaikan amaun bawaan aset dan liabiliti dan diukur pada kadar cukai dan undang-undang yang dijangka akan digunakan untuk tempoh apabila aset tersebut direalisasi atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal menjelang tarikh akhir tahun kewangan.

#### j) **Rosot Nilai Aset Kewangan**

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, KWTBB akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosot nilai. Bukti objektif termasuk:

- i) Kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam;
- ii) Pembayaran tertunggak;
- iii) Kemungkinan bahawa peminjam akan mufli; atau
- iv) Data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai masa depan.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam kumpulan yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan dengan sertamerta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikan ini diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan dengan serta-merta.

#### k) **Peruntukan-Peruntukan**

Peruntukan merujuk kepada obligasi perundangan atau komitmen konstruktif berpunca daripada peristiwa lampau yang ada kecenderungan berlakunya aliran keluar sumber ekonomi atau potensi perkhidmatan untuk melunaskan obligasi tersebut. Anggaran jumlah aliran keluar tersebut mestilah boleh dibuat dengan objektif.

Bagi obligasi atau komitmen yang diperuntukan pembayaran balik (diinsurankan), pembayaran balik tersebut akan diiktiraf sebagai aset yang berasingan dengan syarat pembayaran balik tersebut benar-benar dapat dipastikan.

Peruntukan-peruntukan ini akan dikaji semula pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Di mana kesan nilai semasa wang adalah material, jumlah peruntukan adalah nilai kini perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut.

### 3. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun kewangan terdiri daripada:

|               | 2024       | 2023        |
|---------------|------------|-------------|
|               | RM         | RM          |
| Tunai Di Bank | 90,910,631 | 144,713,162 |

### 4. PELABURAN JANGKA PENDEK

Pada 7 Februari 2020, Kementerian Kewangan telah memberi kelulusan secara menyeluruh kepada Pihak Berkuasa untuk membuat pelaburan jangka pendek bagi dana Kumpulan Wang SEDA Malaysia (KWSM) dan KWTBB.

Pada 31 Disember 2024, pelaburan di dalam Simpanan Tetap Jangka Pendek adalah di sepuluh (10) Institusi Kewangan Berlesen yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan menerima deposit daripada Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan untuk tempoh maksimum dua belas (12) bulan dan pelaburan ini dipastikan tidak menjejaskan komitmen perbelanjaan Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu. Kadar Faedah yang diterima adalah pada kadar di antara 4.02% sehingga 4.28% setahun (2023: 2.55% sehingga 4.60% setahun). Butiran pelaburan simpanan tetap adalah seperti berikut:

|                                                          | 2024                 | 2023                 |
|----------------------------------------------------------|----------------------|----------------------|
|                                                          | RM                   | RM                   |
| Al Rajhi Bank Malaysia                                   | 50,000,000           | -                    |
| Bank Islam Malaysia Berhad                               | 790,000,000          | 617,000,000          |
| Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad                    | 675,000,000          | 44,000,000           |
| Bank Muamalat Malaysia Berhad                            | 230,000,000          | -                    |
| Bank Pembangunan Malaysia Berhad                         | 330,000,000          | -                    |
| CIMB Islamic Bank Berhad                                 | -                    | 617,000,000          |
| Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad               | 250,000,000          | 343,000,000          |
| MBSB Bank Berhad                                         | 478,000,000          | 843,000,000          |
| Public Bank Berhad                                       | 850,000,000          | 617,000,000          |
| RHB Bank Berhad                                          | 950,000,000          | 843,000,000          |
| Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad | 73,000,000           | 152,000,000          |
|                                                          | <b>4,676,000,000</b> | <b>4,076,000,000</b> |

5. URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN BELUM TERIMA

|                                          | 2024               | 2023               |
|------------------------------------------|--------------------|--------------------|
|                                          | RM                 | RM                 |
| Peruntukan Tarif Elektrik Belum Diterima | 136,318,837        | 135,898,487        |
| Akaun Belum Terima                       | 4,456              | -                  |
|                                          | <b>136,323,293</b> | <b>135,898,487</b> |

**Sumbangan Peruntukan daripada Tarif Elektrik Belum Terima**

Sumbangan Peruntukan daripada Tarif Elektrik Belum Terima tidak dikenakan faedah dan mengikut Perenggan 3(3)(a) dan (b) Perintah Tenaga Boleh Baharu (Peruntukan daripada Tarif Elektrik) 2013, Pemegang Lesen Pengagihan (PLP) hendaklah membayar ke dalam KWTBB setiap bulan secara menunggak sebelum hari pertama bagi bulan keempat selepas kutipan diterima. Sebagai contoh, kutipan sumbangan Peruntukan Tarif Elektrik yang dikutip dalam bulan Disember 2024 hendaklah dibayar kepada KWTBB sebelum 1 April 2025. KWTBB telah mengiktiraf hasil sumbangan Peruntukan daripada Tarif Elektrik yang dikutip oleh PLP dalam tahun 2024 walaupun bayaran diserahkan dalam tahun berikutnya.

Akaun Peruntukan daripada Tarif Elektrik Belum Terima didenominasi dalam Ringgit Malaysia dan butiran adalah seperti berikut:

|                             | 2024                          |                    | 2023                          |                    |
|-----------------------------|-------------------------------|--------------------|-------------------------------|--------------------|
| Pemegang Lesen Pengagihan   | Bulan Kutipan                 | RM                 | Bulan Kutipan                 | RM                 |
| Tenaga Nasional Berhad      | November 2024 - Disember 2024 | 133,610,260        | November 2023 - Disember 2023 | 127,614,862        |
| Sabah Electricity Sdn. Bhd. | Oktober 2024 - Disember 2024  | 444,723            | Oktober 2023 - Disember 2023  | 7,047,361          |
| NUR Distribution Sdn. Bhd.  | November 2024 - Disember 2024 | 2,263,854          | Disember 2023                 | 1,236,264          |
|                             | <b>Jumlah</b>                 | <b>136,318,837</b> |                               | <b>135,898,487</b> |

Semua bayaran Sumbangan Peruntukan daripada Tarif Elektrik Belum Terima telah dijelaskan dalam tahun 2025 mengikut tempoh yang ditetapkan selaras dengan Perintah Tenaga Boleh Baharu (Peruntukan daripada Tarif Elektrik) 2013.

## 6. URUS NIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA

Urus Niaga Pertukaran Belum Terima adalah daripada hasil Faedah dari Pelaburan Simpanan Tetap belum diterima pada 31 Disember 2024 yang akan matang pada tahun 2025. Perbandingan bagi hasil belum diterima adalah seperti berikut:

|                                    | 2024              | 2023              |
|------------------------------------|-------------------|-------------------|
|                                    | RM                | RM                |
| Faedah Pelaburan Simpanan Tetap    | 20,959,228        | 11,559,785        |
| Faedah Simpanan Tetap Belum Terima | 28,540            | -                 |
|                                    | <b>20,987,768</b> | <b>11,559,785</b> |

## 7. PERCUKAIAN

Berdasarkan keputusan rayuan Borang Q bertarikh 24 Mei 2022, pendapatan faedah yang dikenakan cukai ke atas pihak KWTBB adalah tertakluk kepada Cukai Pendapatan Syarikat (fail "C") dan pengiraan cukai pendapatan KWTBB adalah tertakluk kepada Perenggan 2 Jadual 1 ACP di mana kadar cukai pendapatan syarikat bagi tahun taksiran 2011 sehingga 2015 pada kadar 25% dan tahun taksiran 2016 hingga 2021 pada kadar 24%.

**Perbelanjaan cukai tahun semasa adalah seperti berikut:**

|                                                | 2024              | 2023              |
|------------------------------------------------|-------------------|-------------------|
|                                                | RM                | RM                |
| <b>Perbelanjaan Cukai</b>                      |                   |                   |
| Cukai Tahun Semasa                             | 45,273,842        | 39,541,348        |
| Berkaitan Dengan Lain-Lain Perbezaan Sementara | -                 | (63,677)          |
|                                                | <b>45,273,842</b> | <b>39,477,671</b> |

**Penyesuaian kadar cukai efektif tahun semasa:**

|                                     | 2024              | 2023              |
|-------------------------------------|-------------------|-------------------|
|                                     | RM                | RM                |
| Lebihan Bagi Tahun Sebelum Cukai    | 570,052,804       | 467,743,187       |
| Cukai Yang Dikenakan Pada Kadar 24% | 136,812,673       | 112,258,368       |
| Pendapatan Dikecualikan Cukai       | (196,067,468)     | (187,830,654)     |
| Belanja Yang Tidak Dibenarkan       | 104,516,131       | 115,113,637       |
| Belanja Cukai Tertunda              | -                 | (63,677)          |
| Aset Cukai Tertunda Tidak Diiktiraf | 12,506            | -                 |
|                                     | <b>45,273,842</b> | <b>39,477,671</b> |



Aset cukai tertunda tidak diiktiraf untuk perbezaan sementara kerana berkemungkinan manfaatnya tidak digunakan pada masa hadapan. Keuntungan bercukai boleh digunakan untuk perbezaan sementara boleh ditolak, tidak diserap elaun modal dan kerugian cukai yang tidak digunakan boleh digunakan sebagai aliran keuntungan masa hadapan. Walau bagaimanapun, kerugian cukai yang tidak digunakan dan elaun modal yang tidak diserap boleh dibawa ke hadapan.

**Pada tahun semasa, cukai terlebih bayar adalah seperti berikut:**

|                                   | 2024                 | 2023                 |
|-----------------------------------|----------------------|----------------------|
|                                   | RM                   | RM                   |
| Baki Pada 1 Januari 2024          | (237,413,390)        | (526,555,450)        |
| Cukai Tahun Semasa                | 45,273,842           | 39,541,348           |
|                                   | (192,139,548)        | (487,014,102)        |
| Pemulangan Cukai Terlebih Bayar   | 50,000,000           | 250,000,000          |
| Cukai Dibayar                     | (45,273,842)         | (399,288)            |
| <b>Baki Pada 31 Disember 2024</b> | <b>(187,413,390)</b> | <b>(237,413,390)</b> |
| Cukai Tahun Semasa                | (45,273,842)         | (39,541,348)         |
| Penggunaan Cukai Kredit           | -                    | 39,142,060           |
| Cukai Telah Dibayar               | 45,050,569           | -                    |
| <b>Cukai Belum Bayar</b>          | <b>(223,273)</b>     | <b>(399,288)</b>     |

## 8. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

|                              | Komputer dan Sistem Aplikasi | Jumlah        |
|------------------------------|------------------------------|---------------|
|                              | RM                           | RM            |
| <b>Kos</b>                   |                              |               |
| Pada 1 Januari 2024          | -                            | -             |
| Tambahan                     | 66,940                       | 66,940        |
| <b>Pada 31 Disember 2024</b> | <b>66,940</b>                | <b>66,940</b> |
| <b>Pelunasan Terkumpul</b>   |                              |               |
| Pada 1 Januari 2024          | -                            | -             |
| Caj Tahun Semasa             | 1,983                        | 1,983         |
| <b>Pada 31 Disember 2024</b> | <b>1,983</b>                 | <b>1,983</b>  |
| <b>Amaun Bawaan</b>          | <b>64,957</b>                | <b>64,957</b> |

9. ASET TAK KETARA

|                              | Sistem<br>SAGA<br>KWTBB | Sistem<br>e-Cashflow<br>KWTBB | Sistem<br>Sustainable<br>Energy<br>Information<br>Portal (SEIP) | Jumlah         |
|------------------------------|-------------------------|-------------------------------|-----------------------------------------------------------------|----------------|
|                              | RM                      | RM                            | RM                                                              | RM             |
| <b>Kos</b>                   |                         |                               |                                                                 |                |
| Pada 1 Januari 2024          | 47,700                  | 396,229                       | -                                                               | 443,929        |
| Tambahan                     | -                       | -                             | 333,079                                                         | 333,079        |
| <b>Pada 31 Disember 2024</b> | <b>47,700</b>           | <b>396,229</b>                | <b>333,079</b>                                                  | <b>777,008</b> |
| <b>Pelunasan Terkumpul</b>   |                         |                               |                                                                 |                |
| Pada 1 Januari 2024          | 14,335                  | 119,880                       |                                                                 | 134,216        |
| Caj Tahun Semasa             | 4,770                   | 39,623                        | 5,730                                                           | 50,123         |
| <b>Pada 31 Disember 2024</b> | <b>19,105</b>           | <b>159,503</b>                | <b>5,730</b>                                                    | <b>184,338</b> |
| <b>Amaun Bawaan</b>          | <b>28,595</b>           | <b>236,726</b>                | <b>327,349</b>                                                  | <b>592,670</b> |
|                              |                         | Sistem<br>SAGA<br>KWTBB       | Sistem<br>e-Cashflow<br>KWTBB                                   | Jumlah         |
|                              |                         | RM                            | RM                                                              | RM             |
| <b>Kos</b>                   |                         |                               |                                                                 |                |
| Pada 1 Januari 2023          |                         | 47,700                        | 396,229                                                         | 443,929        |
| Tambahan                     |                         | -                             | -                                                               | -              |
| <b>Pada 31 Disember 2023</b> |                         | <b>47,700</b>                 | <b>396,229</b>                                                  | <b>443,929</b> |
| <b>Pelunasan Terkumpul</b>   |                         |                               |                                                                 |                |
| Pada 1 Januari 2023          |                         | 9,566                         | 80,258                                                          | 89,824         |
| Caj Tahun Semasa             |                         | 4,770                         | 39,622                                                          | 44,392         |
| <b>Pada 31 Disember 2023</b> |                         | <b>14,336</b>                 | <b>119,880</b>                                                  | <b>134,216</b> |
| <b>Amaun Bawaan</b>          |                         | <b>33,364</b>                 | <b>276,349</b>                                                  | <b>309,713</b> |

10. URUS NIAGA PERTUKARAN BELUM BAYAR

|                   |     | 2024              | 2023              |
|-------------------|-----|-------------------|-------------------|
|                   |     | RM                | RM                |
| Akaun Belum Bayar | (a) | 66,662,168        | 85,052,142        |
| Terakru           | (b) | 1,100,072         | 406,873           |
|                   |     | <b>67,762,240</b> | <b>85,459,015</b> |

Akaun Belum Bayar dan Belum Bayar Lain adalah tidak dikenakan faedah dan pada kebiasaannya diselesaikan atas terma tiga puluh (30) hari.

**10. URUS NIAGA PERTUKARAN BELUM BAYAR****a) Akaun Belum Bayar**

Akaun Belum Bayar didenominasi dalam Ringgit Malaysia dan terdiri daripada perbelanjaan tertunggak yang dipertanggungjawabkan kepada KWTBB di bawah seksyen 19 dan 20 Akta Tenaga Boleh Baharu (2011) [Akta 725] yang perlu di bayar kepada PLP dan Pihak Berkuasa seperti berikut:

|                                         | <b>2024</b>       | <b>2023</b>       |
|-----------------------------------------|-------------------|-------------------|
|                                         | <b>RM</b>         | <b>RM</b>         |
| Tenaga Nasional Berhad                  | 60,692,687        | 59,301,033        |
| Sabah Electricity Sdn. Bhd.             | 39,114            | 17,730,320        |
| NUR Distribution Sdn. Bhd.              | 71,554            | 155,528           |
| Malaysia Airports (Sepang) Sdn. Bhd.    | 2,685,222         | 3,596,317         |
| Malaysia Airlines Berhad                | 1,259,860         | 1,817,388         |
| Malakoff Utilities Sdn. Bhd.            | 8,152             | 8,395             |
| Bandar Utama City Corporation Sdn. Bhd. | 945               | 1,831             |
| SEDA Malaysia                           | 1,904,634         | 2,441,330         |
|                                         | <b>66,662,168</b> | <b>85,052,142</b> |

**b) Terakru**

Akaun Terakru terdiri daripada perbelanjaan yang belum dibayar di bawah Perenggan 25(b) Akta Tenaga Boleh Baharu (2011) [Akta 725] seperti berikut:

|                                              | <b>2024</b>      | <b>2023</b>    |
|----------------------------------------------|------------------|----------------|
|                                              | <b>RM</b>        | <b>RM</b>      |
| Kos Pengauditan dan Percukaian               | 418,518          | 195,314        |
| Perkhidmatan dan Bekalan                     | 120              | 1,410          |
| Perkhidmatan Konsultan                       | 132,471          | 83,240         |
| Penyelenggaraan Komputer dan Sistem Aplikasi | 307,162          | 126,909        |
| Aset Tak Ketara                              | 241,801          |                |
|                                              | <b>1,100,072</b> | <b>406,873</b> |

## 11. GERAN TERTUNDA

KWTBB telah menerima Geran MySuria bagi tujuan pelaksanaan pembayaran *Feed-in Tariff* (FiT) kepada peserta program MySuria dan Fi Pentadbiran kepada Pemegang Lesen Pengagihan (PLP) dan Pihak Berkuasa. Perbelanjaan Geran MySuria adalah seperti berikut:

|                                  | 2024             | 2023             |
|----------------------------------|------------------|------------------|
|                                  | RM               | RM               |
| Baki Geran Pada 1 Januari        | 7,076,419        | 6,862,979        |
| Geran Diterima Pada Tahun Semasa | -                | 862,155          |
| Pelunasan Geran Tahun Semasa     | (599,279)        | (648,715)        |
| Baki Geran Pada 31 Disember      | <b>6,477,140</b> | <b>7,076,419</b> |

## 12. CUKAI TERTUNDA

Amaun Aset dan Liabiliti Cukai Tertunda, selepas penimbangan yang sesuai, dimasukkan ke dalam Penyata Kedudukan Kewangan, adalah seperti berikut:

|                                                       | 2024     | 2023     |
|-------------------------------------------------------|----------|----------|
|                                                       | RM       | RM       |
| Berikut merupakan pergerakan Liabiliti Cukai Tertunda |          |          |
| Pada 1 Januari                                        | -        | 63,677   |
| Pindahan ke Penyata Prestasi Kewangan                 | -        | (63,677) |
| Pada 31 Disember                                      | <b>-</b> | <b>-</b> |

## 13. URUS NIAGA PERTUKARAN

Hasil Urus Niaga Pertukaran Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu terdiri daripada Pendapatan daripada Pelaburan [Perenggan 23(2)(c) Akta 725] termasuk Hibah Bank seperti berikut:

|                                    | 2024               | 2023               |
|------------------------------------|--------------------|--------------------|
|                                    | RM                 | RM                 |
| Faedah Diterima daripada Pelaburan |                    |                    |
| Simpanan Tetap                     | 185,335,253        | 158,076,145        |
| Hibah Bank                         | 3,305,755          | 6,679,471          |
|                                    | <b>188,641,008</b> | <b>164,755,616</b> |

**14. URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN**

|                                    |     | <b>2024</b>        | <b>2023</b>        |
|------------------------------------|-----|--------------------|--------------------|
|                                    |     | <b>RM</b>          | <b>RM</b>          |
| Peruntukan daripada Tarif Elektrik | (a) | 815,859,064        | 781,979,009        |
| Pelunasan Geran Program MySuria    | (b) | 599,279            | 648,715            |
|                                    |     | <b>816,458,343</b> | <b>782,627,724</b> |

**a) Peruntukan daripada Tarif Elektrik**

Pendapatan yang diterima oleh KWTBB adalah berdasarkan subseksyen 23(2), Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 [Akta 725] yang terdiri daripada berikut:

- i. apa-apa jumlah wang yang diperuntukkan oleh Parlimen bagi maksud Kumpulan Wang dari semasa ke semasa;
- ii. apa-apa jumlah wang yang dibayar kepada Pihak Berkuasa di bawah subseksyen 22(4), 24(1) dan 24(5);
- iii. semua wang yang diperoleh sebagai pendapatan daripada pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu, termasuk bunga; dan
- iv. segala wang lain yang diterima secara sah oleh Pihak Berkuasa bagi pihak Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu.

Butiran Pendapatan Urus Niaga Bukan Pertukaran KWTBB adalah daripada Peruntukan daripada Tarif Elektrik [subseksyen 24(1)] seperti berikut:

|                                            | <b>2024</b>        | <b>2023</b>        |
|--------------------------------------------|--------------------|--------------------|
|                                            | <b>RM</b>          | <b>RM</b>          |
| <b>Peruntukan daripada Tarif Elektrik:</b> |                    |                    |
| Tenaga Nasional Berhad                     | 797,482,901        | 743,193,561        |
| Sabah Electricity Sdn. Bhd.                | 5,369,172          | 27,062,348         |
| NUR Distribution Sdn. Bhd.                 | 13,006,991         | 11,723,100         |
|                                            | <b>815,859,064</b> | <b>781,979,009</b> |

**15. HASIL LAIN**

Hasil lain pada akhir tahun kewangan adalah daripada:

|                                | <b>2024</b>    | <b>2023</b> |
|--------------------------------|----------------|-------------|
|                                | <b>RM</b>      | <b>RM</b>   |
| Terimaan Hutang Lapuk Terpulih | 489,439        | -           |
|                                | <b>489,439</b> | <b>-</b>    |

Pihak Kastam DiRaja Malaysia (JKDM) telah membuat sebahagian bayaran balik berjumlah RM489,439.67 daripada jumlah keseluruhan baki tertunggak *Goods & Service Tax* (GST) RM559,617.77. Bayaran diterima secara berperingkat bermula pada 21 Mac 2024 sehingga 1 April 2024.



## 16. MENDAPATKAN WANG & FI PENTADBIRAN PEMEGANG LESEN PENGAGIHAN

Berdasarkan seksyen 19, Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 [Akta 725], Pemegang Lesen Pengagihan (PLP) berhak untuk mendapatkan daripada KWTBB, sejumlah wang yang bersamaan dengan perbezaan antara:

- jumlah tarif galakan yang dibayar oleh PLP kepada Pemegang Kelulusan Galakan (PKG); dengan
- kos yang selainnya kena ditanggung oleh PLP itu untuk menjana amaun elektrik yang sama dengan yang dijana oleh PKG itu berdasarkan kos pembekalan semasa.

Selain itu PLP juga hendaklah dibayar fi pentadbiran pada kadar 2% bagi setiap pembayaran Mendapatkan Wang yang dituntut oleh PLP berdasarkan perenggan 2(1) Perintah Tenaga Boleh Baharu (Fi Pentadbiran) 2011.

Butiran pembayaran Mendapatkan Wang kepada PLP termasuk Fi Pentadbiran adalah seperti berikut:

|                                         | 2024               | 2023               |
|-----------------------------------------|--------------------|--------------------|
|                                         | RM                 | RM                 |
| Tenaga Nasional Berhad                  | 394,380,454        | 386,897,002        |
| Sabah Electricity Sdn. Bhd.             | 558,828            | 53,024,764         |
| NUR Distribution Sdn. Bhd.              | 934,694            | 1,068,874          |
| Malaysia Airports (Sepang) Sdn. Bhd.    | 19,115,416         | 16,542,460         |
| Malaysia Airlines Berhad                | 5,586,599          | 5,705,020          |
| Malakoff Utilities Sdn. Bhd.            | 34,995             | 43,619             |
| Bandar Utama City Corporation Sdn. Bhd. | 13,242             | 14,066             |
|                                         | <b>420,624,228</b> | <b>463,295,805</b> |

Selaras Penyerahan Kuasa Kawal Selia Pembekalan Elektrik Negeri Sabah Dan Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) kepada Kerajaan Negeri Sabah melalui Enakmen Tenaga Boleh Baharu Sabah, 2024 berkuatkuasa 3 Januari 2024, semua fungsi berkaitan pentadbiran Mekanisma Tarif Galakan bagi Negeri Sabah (tidak termasuk Wilayah Persekutuan Labuan) telah diambil alih sepenuhnya oleh Energy Commission of Sabah (ECoS). Sehubungan itu, bayaran Mendapatkan Wang beserta Fi Pentadbiran bagi Negeri Sabah adalah sehingga 2 Januari 2024 sahaja sementara sebarang tunggakan sehingga tarikh tersebut diterima oleh KWTBB hanya sehingga 31 Disember 2024.

## 17. FI PENTADBIRAN SEDA MALAYSIA

Pihak Berkuasa perlu dibayar Fi Pentadbiran sebanyak 3% bagi setiap pembayaran Mendapatkan Wang yang dituntut oleh PLP berdasarkan perenggan 2(2) Perintah Tenaga Boleh Baharu (Fi Pentadbiran) 2011.

Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu telah membuat pembayaran Fi Pentadbiran kepada Pihak Berkuasa seperti berikut:

|                              | 2024              | 2023              |
|------------------------------|-------------------|-------------------|
|                              | RM                | RM                |
| Fi Pentadbiran SEDA Malaysia | <b>12,371,306</b> | <b>13,626,353</b> |

**18. PERKHIDMATAN DAN BEKALAN**

Selaras dengan seksyen 25(b) Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 [Akta 725], Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu hendaklah dibelanjakan untuk membayar apa-apa perbelanjaan bagi melaksanakan peruntukan tersebut. Berikut adalah perbelanjaan yang digunakan di bawah Perenggan 25(b) Akta 725:

|                                | 2024             | 2023             |
|--------------------------------|------------------|------------------|
|                                | RM               | RM               |
| Kos Pengauditan dan Percukaian | 419,376          | 574,929          |
| Penyelenggaraan Komputer       | 754,741          | 564,208          |
| Perkhidmatan Konsultan         | 477,224          | 83,240           |
| Percetakan                     | 37,407           | 28,965           |
| Lain-lain                      | 200,206          | 213,829          |
|                                | <b>1,888,954</b> | <b>1,465,171</b> |

Kos Pengauditan adalah bayaran kepada juruaudit luar bagi menjalankan audit prestasi pematuhan bagi pengurusan Hasil Peruntukan daripada Tarif Elektrik (AoT) dan Mendapatkan Wang (RoM) Pemegang Lesen Pengagihan. Selain itu, fi pengauditan bagi Penyata Kewangan Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu bagi tahun 2024 juga termasuk dalam perbelanjaan audit.

Kos Penyelenggaraan Komputer adalah perbelanjaan penyelenggaraan pusat data bagi sistem e-FiT serta penyelenggaraan sistem e-Cashflow KWTBB. Manakala kos perkhidmatan konsultan melibatkan kajian *Hydrological Study on Hydro Potential In Peninsular Malaysia* dan kajian *Bioenergy Clustering Potential in Peninsular Malaysia*.

**19. BELANJA SUSUT NILAI**

|                                                     | 2024          | 2023          |
|-----------------------------------------------------|---------------|---------------|
|                                                     | RM            | RM            |
| <b>Belanja Susut Nilai</b>                          |               |               |
| Komputer dan Sistem Aplikasi                        | 1,983         | -             |
| <b>Jumlah Belanja Susut Nilai</b>                   | <b>1,983</b>  | <b>-</b>      |
| <b>Pelunasan Aset Tak Ketara</b>                    |               |               |
| Sistem SAGA KWTBB                                   | 4,770         | 4,770         |
| Sistem e-Cashflow                                   | 39,623        | 39,622        |
| Sistem Sustainable Energy Information Portal (SEIP) | 5,730         | -             |
| <b>Jumlah Pelunasan Aset Tak Ketara</b>             | <b>50,123</b> | <b>44,392</b> |
| <b>Jumlah Susut Nilai Dan Pelunasan</b>             | <b>52,106</b> | <b>44,392</b> |

**20. GERAN DAN PINDAHAN**

Merupakan belanja pelunasan Geran Program MySuria bagi tahun 2024 seperti butiran berikut:

|                              | <b>2024</b>    | <b>2023</b>    |
|------------------------------|----------------|----------------|
|                              | <b>RM</b>      | <b>RM</b>      |
| Mendapatkan Wang             | 570,742        | 617,823        |
| Fi Pentadbiran PLP           | 11,415         | 12,357         |
| Fi Pentadbiran SEDA Malaysia | 17,122         | 18,535         |
|                              | <b>599,279</b> | <b>648,715</b> |

**21. PERBELANJAAN LAIN**

Perbelanjaan Lain pada akhir tahun kewangan terdiri daripada:

|                         | <b>2024</b> | <b>2023</b>    |
|-------------------------|-------------|----------------|
|                         | <b>RM</b>   | <b>RM</b>      |
| Caj Bank                | 113         | 99             |
| Hapus Kira Hutang Lapuk | -           | 559,618        |
|                         | <b>113</b>  | <b>559,717</b> |

**22. NOTA KEPADA PENYATA ALIRAN TUNAI****Angka Perbandingan**

|                                                         | <b>Seperti yang<br/>Dinyatakan<br/>Semula<br/>2023</b> | <b>Seperti Yang<br/>Dilaporkan<br/>Terdahulu<br/>2023</b> |
|---------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------|
|                                                         | <b>RM</b>                                              | <b>RM</b>                                                 |
| <b>Aliran Tunai Bersih daripada Aktiviti Operasi</b>    |                                                        |                                                           |
| Terimaan geran                                          | 862,155                                                | -                                                         |
| <b>Aliran Tunai Bersih daripada Aktiviti Pembiayaan</b> |                                                        |                                                           |
| Terimaan geran                                          | -                                                      | 862,155                                                   |

Terimaan Geran diklasifikasikan dari Aktiviti Pembiayaan ke Aktiviti Operasi kerana ianya tidak termasuk di dalam senarai aktiviti pembiayaan seperti perenggan 30 MPSAS 2.

## 23. NOTA KEPADA PENYATA PRESTASI BAJET

Bajet Tahun 2024 Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu telah diluluskan oleh Mesyuarat Anggota Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia (APBPTL) Bil. 7/2023 pada 19 Disember 2023.

Bajet yang diluluskan disediakan mengikut asas akruan bagi tempoh 1 Januari 2024 sehingga 31 Disember 2024.

### a) Peruntukan daripada Tarif Elektrik

Kutipan Peruntukan daripada Tarif Elektrik mencatatkan hasil berjumlah RM815.86 juta berbanding bajet 2024. Peningkatan ini adalah berpunca daripada:

- i) Kutipan Hasil Peruntukan daripada Tarif Elektrik yang lebih tinggi berbanding bajet daripada Tenaga Nasional Berhad dan NUR Distribution Sdn. Bhd. iaitu berjumlah RM797.48 juta dan RM13.00 juta masing-masing kerana peningkatan penggunaan tenaga elektrik secara keseluruhan susulan peningkatan pengguna komersil dan domestik; dan
- ii) Kutipan Hasil Peruntukan daripada Tarif Elektrik daripada Sabah Electricity Sdn. Bhd. berjumlah RM5.37 juta juga adalah lebih tinggi berbanding bajet kerana jumlah ini telah termasuk hasil tertunda bagi tahun 2023 dan tahun sebelum yang diterima pada tahun 2024.

### b) Faedah Pelaburan & Hibah

Faedah Simpanan Tetap merekodkan hasil RM185.33 juta atau 106% berbanding bajet tahun 2024 kerana semasa penyediaan bajet, purata kadar faedah simpanan tetap yang digunakan adalah pada kadar 4.2% setahun berdasarkan peletakan berjumlah RM4.33 bilion sementara purata kadar faedah simpanan tetap sebenar yang diterima adalah 4.16% setahun dengan peletakan berjumlah RM4.67 bilion.

Manakala hibah merekodkan hasil berjumlah RM3.31 juta atau 178% lebih dari sasaran kerana peningkatan kutipan Peruntukan daripada Tarif Elektrik setiap bulan berbanding bajet dengan lebihan di antara RM4.00 juta sehingga RM5 juta setiap bulan. Selain itu, KWTBB juga mempunyai baki awal tahun yang tinggi di akaun semasa kerana pembayaran Mendapatkan Wang hanya dibuat pada setiap akhir bulan sementara pelaburan pertama bagi tahun 2024 dibuat pada bulan Februari 2024.

### c) Mendapatkan Wang & Fi Pentadbiran PLP

Perbelanjaan Mendapatkan Wang dan Fi Pentadbiran PLP hanya mencapai prestasi 95% daripada bajet tahun 2024. Julat berjumlah RM24.14 juta yang tidak dicapai adalah kerana:

- i) Kurang janaan tenaga oleh Pemegang Kelulusan Galakan menyebabkan penurunan tuntutan Mendapatkan Wang; dan
- ii) Terdapat Pemegang Kelulusan Galakan yang telah disasarkan untuk mencapai status *Feed-in Tariff Commisioning Date* (FiTCD) dalam tahun 2024 namun tidak FiTCD.

### d) Perkhidmatan dan Bekalan

Terdapat pengurangan ketara ke atas perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan dengan jumlah perbelanjaan RM1.89 juta atau 49.34% sahaja berbanding bajet tahun 2024. Pengurangan ini melibatkan:

- i) Jumlah RM300.00 ribu kerana pelantikan juruaudit bagi pengauditan pematuhan proses kutipan Peruntukan daripada Tarif Elektrik dan tuntutan Mendapatkan Wang di bawa ke tahun 2025;
- ii) Penjimatan berjumlah RM200.00 ribu untuk pelantikan perunding melibatkan proses *Regulatory Impact Analysis* (RIA) dan *Regulatory Impact Statement* (RIS) bagi pindaan Akta 725 kerana ia tidak dilaksanakan berdasarkan keputusan pihak Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC);
- iii) Penjimatan sebanyak RM303.00 ribu ke atas kos promosi bagi program tarif galakan FiT 2.0 kerana sesi taklimat kepada bakal pembida hanya diadakan sekali sahaja; dan
- iv) Bayaran perkhidmatan konsultan bagi kajian Bioenergy Clustering hanya melibatkan belanja berjumlah RM96.63 ribu iaitu 5% daripada jumlah kontrak dengan baki kontrak berjumlah RM853.98 ribu di bawa ke tahun 2025.

### e) Penyesuaian Lebihan Bersih

|                                                              | 2024               |
|--------------------------------------------------------------|--------------------|
|                                                              | RM                 |
| Lebihan Bersih (Penyata Prestasi Bajet)                      | 524,522,328        |
| Tambah: Belanja Harta Modal                                  | 308,741            |
| Tolak: Belanja Susut Nilai                                   | (52,106)           |
| Lebihan bagi Tahun Selepas Cukai (Penyata Prestasi Kewangan) | <b>524,778,963</b> |

## 24. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

### Objektif dan Polisi Pengurusan Risiko Kewangan

Polisi pengurusan risiko kewangan KWTBB adalah untuk memastikan sumber kewangan yang mencukupi bagi perbelanjaan operasi KWTBB sementara menguruskan risiko kewangannya, termasuk risiko kredit, risiko kadar faedah, risiko kecairan dan aliran tunai.

#### a) Risiko Kredit

KWTBB mengamalkan polisi iaitu tunai dan setara tunai disimpan hanya di bank dan institusi kewangan berlesen.

#### b) Risiko Kadar Faedah

KWTBB tidak terdedah kepada risiko kadar faedah kerana tidak mempunyai aset jangka panjang yang menanggung faedah atau hutang yang menanggung faedah.

#### c) Risiko Kecairan dan Aliran Tunai

KWTBB tidak memiliki profil hutang dan memiliki wang tunai yang cukup untuk memenuhi keperluan semua modal kerja. Selain daripada itu, KWTBB juga menguruskan dengan teliti urusan keluar masuk tunai dan juga urusan pembayaran pemiutang.

## 25. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN

### Pihak-Pihak Berkaitan dan Hubungan

Berikut adalah Pihak-pihak Berkaitan seperti yang termaktub di dalam Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 [Akta 725] dan diklasifikasikan sebagai Pemegang Lesen Pengagihan:

- i. Tenaga Nasional Berhad (TNB);
- ii. Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB);
- iii. NUR Distribution Sdn. Bhd. (NUR);
- iv. Malaysia Airports (Sepang) Sdn. Bhd. (MASSB);
- v. Malaysia Airlines Berhad (MAB);
- vi. Malakoff Utilities Sdn. Bhd. (MUSB); dan
- vii. Bandar Utama City Corporation Sdn. Bhd. (BUCC).

## 26. ANGGOTA PENGURUSAN UTAMA

Anggota Pengurusan Utama Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu dan Pihak Berkuasa terdiri daripada anggota pengurusan yang sama. Mereka mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk perancangan, arahan dan kawalan ke atas aktiviti Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Bilangan anggota pengurusan utama Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu ialah sepuluh (10) orang (2023: 10 orang).



## 27. KOMITMEN BERKONTRAK

Perjanjian *Renewable Energy Power Purchase Agreement* (REPPA) bagi tempoh sepuluh (10) tahun sehingga dua puluh satu (21) tahun telah ditandatangani di antara Pemegang Lesen Pengagihan dan Pemegang Kelulusan Galakan bagi program tarif galakan yang melibatkan 9,609 Pemegang Kelulusan Galakan (PKG) dengan komitmen berkontrak REPPA terakhir akan tamat pada tahun 2048. Berdasarkan REPPA ini, KWTBB mempunyai jumlah baki komitmen berkontrak seperti berikut:

|                              | RM                    |
|------------------------------|-----------------------|
| Mendapatkan Wang (RoM)       | 10,265,423,635        |
| Fi Pentadbiran PLP           | 205,308,473           |
| Fi Pentadbiran SEDA Malaysia | 307,962,709           |
| <b>Jumlah</b>                | <b>10,778,694,817</b> |







**PIHAK BERKUASA PEMBANGUNAN TENAGA LESTARI  
(SEDA) MALAYSIA**

Aras 6, Cyberview 23A, Persiaran APEC, Cyber 6,  
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : +603 8870 5800

Faks : +603 8870 5900

E-mel : [enquiry@seda.gov.my](mailto:enquiry@seda.gov.my)

[www.seda.gov.my](http://www.seda.gov.my)

